



DR 1 TAHUN 2018  
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS  
PENGGAL KEENAM




LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS

PENGURUSAN SEKATAN PERJALANAN KE LUAR NEGARA

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI (LHDN)  
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF)

**LAPORAN**  
**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>1</b>	<b>LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN SEKATAN PERJALANAN KE LUAR NEGARA DI BAWAH LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI (LHDN) DAN KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)</b>	<b>1-8</b>
<b>2</b>	<b>RUMUSAN &amp; SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA</b>	<b>9-10</b>
<b>3</b>	<b>AGENDA MESYUARAT</b>	
<b>4</b>	<b>LAPORAN PROSIDING</b>	
<b>5</b>	<b>DOKUMEN PEMBENTANGAN</b>	



**LAPORAN  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA  
WANG NEGARA**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
(PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN SEKATAN  
PERJALANAN KE LUAR NEGARA DI BAWAH LEMBAGA HASIL  
DALAM NEGERI (LHDN) DAN KEMENTERIAN KEWANGAN  
MALAYSIA (MOF)**

**1. PENDAHULUAN**

Pengurusan Sekatan Perjalanan Ke Luar Negara yang dilaksanakan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), agensi di bawah Kementerian Kewangan (MoF) adalah sebahagian daripada penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2015 Siri 2 (Aktiviti Kementerian/Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan) yang dibentangkan di Parlimen pada 21 November 2016.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen memutuskan untuk membincangkan mengenai isu ini pada 27 Mac 2017 iaitu dalam prosiding Bilangan 06/2017.

## **2. OBJEKTIF PERBINCANGAN**

Selaras dengan mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304(a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), PAC Parlimen telah membincangkan penemuan JAN berhubung Pengurusan Sekatan Perjalanan Ke Luar Negara bertujuan untuk mengkaji dan meneliti sama ada pengurusan sekatan perjalanan ini telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan keperluan undang-undang.

## **3. SKOP DAN METODOLOGI**

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- i. Menjemput Ketua Audit Negara yang diwakili Pengarah (Prestasi) JAN bagi memberi penjelasan berhubung isu yang dibangkitkan;
- ii. Memanggil pihak yang terlibat dalam Pengurusan Sekatan Perjalanan Ke Luar Negara iaitu Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (TKSP) (Dasar) mewakili Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) LHDN untuk memberi penjelasan mengenai maklum balas dan tindakan yang diambil; dan
- iii. Menjemput wakil daripada agensi Kerajaan Persekutuan seperti Kementerian Kewangan (MoF); Jabatan Akauntan Negara; Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk menghadiri prosiding PAC Parlimen berhubung isu ini.

#### **4. LATAR BELAKANG PENGURUSAN SEKATAN PERJALANAN KE LUAR NEGARA**

4.1 Seksyen 104, Akta Cukai Pendapatan (CP) 1967 dan Seksyen 22, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) membolehkan sekatan perjalanan ke luar negara dikenakan ke atas individu atau pengarah syarikat yang gagal menjelaskan tunggakan CP atau CKHT. Sekatan perjalanan ke luar negara boleh dikuatkuasakan dalam keadaan berikut:

- i. Seseorang pembayar cukai warganegara Malaysia berkemungkinan akan meninggalkan/keluar Malaysia tanpa membayar cukainya termasuklah yang kerap keluar masuk (frequent traveler);
- ii. Seseorang pengarah syarikat yang berkemungkinan akan meninggalkan/keluar Malaysia tanpa membayar cukai syarikat yang mana dia bertanggungjawab untuk membayar di bawah Seksyen 75A, Akta CP 1967 atau di bawah sub-perenggan 5(1A) dan 5(4) Jadual 1 Akta CKHT, 1976; dan
- iii. Pembayar cukai warganegara asing yang belum menjelaskan cukai dan boleh meninggalkan Malaysia pada bila-bila masa sahaja.

4.2 Had yang dikenakan sebelum tindakan sekatan perjalanan ke luar negara dilaksanakan ialah tidak kurang daripada RM10,000 bagi kes syarikat dan tidak kurang daripada RM2,000 bagi kes individu.

Bagaimanapun, tiada had sekatan ditetapkan untuk warganegara asing atau warganegara Malaysia yang diketahui akan meninggalkan Malaysia tanpa membayar cukainya.

- 4.3 Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) boleh mengeluarkan Sijil Sekatan bagi menghalang seseorang meninggalkan negara dengan dihantar ke alamat terakhir pembayar cukai melalui sendiri atau pos berdaftar.

Individu atau pengarah syarikat hendaklah menjelaskan cukai sepenuhnya berdasarkan sijil yang dikeluarkan sebelum pembayar cukai memohon untuk membatalkan sekatan perjalanan. Jika tidak dapat menjelaskan tanggungan cukai sepenuhnya, pembayar cukai masih boleh memohon pelepasan sementara mengikut syarat yang ditetapkan. Surat pelepasan sementara akan dikeluarkan kepada pembayar cukai dengan menyatakan tempoh pelepasan yang dibenarkan.

## **5. PERBINCANGAN DAN PENEMUAN PAC PARLIMEN**

Sesi prosiding dimulakan dengan penjelasan awal mengenai isu yang berkenaan oleh Pengarah (Prestasi) JAN kepada PAC Parlimen.

Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan iaitu TKSP (Dasar) MoF dan CEO LHDN memberikan keterangan di hadapan PAC Parlimen. Perkara yang dibincangkan secara umumnya diringkaskan seperti berikut:

## 5.1. Penjelasan Awal Pengarah (Prestasi) JAN

Pengarah (Prestasi) JAN telah memaklumkan setakat Jun 2016, sejumlah 128,165 sijil sekatan perjalanan ke luar negara yang melibatkan tunggakan cukai berjumlah RM3.4 bilion telah dikeluarkan oleh LHDN dan masih berkuat kuasa sehingga kini. Tunggakan cukai ini melibatkan 117,154 individu (RM2.5 bilion), 1,279 pengarah syarikat (RM684 juta) dan 9,732 individu (CKHT) (RM151 juta).

Secara keseluruhannya, LHDN telah pun mengambil tindakan terhadap semua isu berkenaan. Bagaimanapun, terdapat empat (4) isu yang di bawa JAN untuk perhatian PAC Parlimen:

a) **Tindakan Guaman Sivil Belum Diambil.**

Tindakan guaman terhadap 1,600 kes yang melibatkan amaun sekatan berjumlah RM95.25 juta belum diambil walaupun penguatkuasaan sekatan perjalanan telah dikeluarkan. Peruntukan undang-undang menetapkan tindakan guaman sivil (penyediaan Borang x/c18) hendaklah dikuatkuasakan serentak dengan tindakan sekatan perjalanan. Kes ini merangkumi kes individu, pengarah syarikat dan warga asing;

b) **Pelepasan Sementara Diluluskan Sebelum Bayaran Permulaan Diterima.**

Pelepasan Sementara bagi 11 kes individu dengan nilai sekatan berjumlah RM1.42 juta telah diluluskan sebelum bayaran permulaan yang dipersetujui diterima daripada pembayar cukai;



**c) Kegagalan Bayaran Ansuran Bagi Pembayar Cukai Yang Diluluskan Pelepasan Sementara.**

Pembayar cukai yang telah diluluskan pelepasan sementara tidak mematuhi syarat yang dipersetujui iaitu tidak membuat bayaran ansuran atau membayar kurang daripada bayaran ansuran yang telah ditetapkan;

**d) Kegagalan Majikan Menyelesaikan Tunggakan Cukai Pekerja Yang Meninggalkan Malaysia.**

Majikan bertanggungjawab menahan gaji terakhir pekerja yang berhenti kerja/akan berhenti kerja atau bercadang meninggalkan Malaysia untuk tempoh melebihi 3 bulan. Majikan dikehendaki membayar semua atau sebahagian amaun yang ditahan kepada LHDN dalam tempoh 90 hari daripada tarikh notis. Sehingga 14 Julai 2016, LHDN tidak pernah mengambil tindakan terhadap majikan di bawah Seksyen 120(1), Akta CP 1967. LHDN juga tidak mempunyai rekod mengenai jumlah majikan yang gagal melaporkan pemberhentian pekerja di bawah Seksyen 83, Akta CP 1967.

## **5.2. Keterangan CEO LHDN**

5.2.1 CEO LHDN memaklumkan bahawa Sekatan Perjalanan Ke Luar Negara merupakan satu mekanisma yang dilakukan LHDN untuk meningkatkan pematuhan kutipan cukai yang tertunggak. Mekanisma ini juga diamalkan di negara-negara lain.

5.2.2 Beliau juga menjelaskan mengenai Pelepasan Sementara serta kriteria-kriteria yang membolehkan Pelepasan Sementara dikeluarkan. Antara kriteria yang boleh dipertimbangkan adalah rekod pembayaran pembayar cukai tersebut, sama ada pembayar cukai itu memang mempunyai sejarah mengelak untuk membayar cukai ataupun sentiasa patuh untuk membayar jika diberikan kelonggaran untuk membayar secara ansuran. Di samping itu, pembayar cukai perlu mengemukakan analisis aliran tunai diri sendiri atau perniagaannya untuk dinilai kedudukan kewangan beliau. Selain itu, tujuan perjalanannya ke luar negara sama ada untuk urusan perniagaan ataupun urusan peribadi.

5.2.3 CEO LHDN juga menerangkan proses yang diambil oleh LHDN sebelum Sekatan Perjalanan dikenakan. LHDN akan memulakan proses dengan mengeluarkan Surat Tuntutan Baki Cukai Pendapatan bagi cukai yang tertunggak. Pembayar cukai masih ditawarkan untuk membuat bayaran secara ansuran jika mereka tidak mampu untuk membayar sekali gus. Akhir sekali, sekiranya pembayar cukai masih gagal untuk menjelaskan baki tunggakan cukai, LHDN akan mengeluarkan Notis Sijil Sekatan Perjalanan ke alamat yang terakhir yang ada dalam rekod LHDN.

5.2.4 Bagi kes Pelepasan Sementara yang dibenarkan sebelum bayaran permulaan dibuat, CEO LHDN menerangkan bahawa dalam kes-kes tertentu kebenaran diberikan sekiranya pembayar cukai mampu untuk menunjukkan bahawa beliau akan membuat pembayaran serta memberi surat jaminan yang beliau akan membayar cukai sekembalinya daripada luar negara dan perjalanan itu bukannya untuk tujuan peribadi.

### 5.3 MAKLUM BALAS LHDN

Susulan kepada prosiding PAC Parlimen yang telah diadakan, LHDN telah mengemukakan maklumat terkini kepada PAC Parlimen pada 16 Mei 2017 seperti yang dipohon:

- i) jumlah tunggakan cukai yang terlibat bagi sekatan perjalanan ke luar negara sehingga 31 Disember 2016 adalah RM2,778,278,103 bilion;
- ii) bilangan pembayar cukai yang dikenakan sekatan perjalanan sehingga 30 Mac 2017 adalah seramai 141,744 orang; dan
- iii) Tempoh sekatan perjalanan paling lama yang masih berkuat kuasa adalah berusia 34 tahun yang mula berkuat kuasa pada tahun 1983.

**RUMUSAN & SYOR  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ **Bilangan 6/2017 pada Isnin 27 Mac 2017**

## 6. RUMUSAN PAC PARLIMEN

PAC Parlimen secara umumnya berpuas hati dengan pengurusan sekatan perjalanan ke luar negara oleh LHDN. Namun begitu, PAC Parlimen berpendapat had tunggakan cukai tidak kurang daripada RM2,000 bagi individu bagi tujuan sekatan perjalanan ke luar negara yang dilaksanakan oleh LHDN adalah kurang sesuai dengan keadaan ekonomi semasa.

## 7. SYOR PAC PARLIMEN

Bagi tujuan penambahbaikan akan datang dan menyesuaikan dengan keadaan ekonomi semasa, PAC Parlimen mengesyorkan perkara-perkara berikut:

- (i) Kerajaan mengkaji semula had tunggakan cukai dinaikkan kepada RM10,000 untuk pembayar cukai individu dan RM50,000 untuk syarikat.
- (ii) Sebelum sekatan dikenakan, LHDN perlu memastikan notis tunggakan cukai disampaikan kepada individu/syarikat mengikut undang-undang seperti yang diamalkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
- (iii) Sistem penyampaian LHDN perlu dinaiktaraf dengan menggunakan teknologi baru seperti sistem pesanan khidmat ringkas (SMS) / Whatsapps / Emel dalam menyampaikan peringatan (*reminder*) notis tunggakan cukai atau sekatan perjalanan ke luar negara.

- (iv) LHDN dan Jabatan Imigresen perlu memastikan pangkalan data mereka sentiasa dikemas kini supaya tidak berlaku kes pembayar cukai yang telah menjelaskan tunggakan cukai tetapi masih mengalami masalah semasa hendak ke luar negara.

**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN**

**AGENDA MESYUARAT  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ **Bilangan 6/2017 pada Isnin 27 Mac 2017**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BIL. 6/2017 PADA ISNIN 27 MAC 2017  
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2, BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN**

<b>TARIKH / HARI / MASA</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT</b>
<b>27 Mac 2017 (Isnin)  11.00 pagi</b>	<b>Pengurusan Sekatan Perjalanan Ke Luar Negara</b>	<b>Kementerian Kewangan/ Lembaga Hasil Dalam Negeri</b>



# **LAPORAN PROSIDING**

❖ **Bilangan 6/2017 pada Isnin 27 Mac 2017**

**Bil. 6**

**Isnin  
27 Mac 2017**



**MALAYSIA**

## **LAPORAN PROSIDING**

### **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

#### **Mengenai:**

**Pengurusan Sekatan Perjalanan Ke Luar Negara**

- Kementerian Kewangan
- Lembaga Hasil Dalam Negeri

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KELIMA**

---

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA  
ISNIN, 27 MAC 2017**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] - *Pengerusi*  
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Naib Pengerusi*  
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]  
YB. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]  
YB. Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]  
YB. Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]  
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]  
YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]  
YB. Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]  
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]  
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]  
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]  
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]  
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**URUS SETIA**

Puan Lavinia A/P Vyveganathan [Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat,  
Parlimen Malaysia]  
Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara,  
Parlimen Malaysia]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara,  
Parlimen Malaysia]  
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara,  
Parlimen Malaysia]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Audit Negara**

Encik Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah Audit ICT]  
Encik Saiful Anuar bin Jaafar [Ketua Penolong Pengarah]

samb/-

**HADIR BERSAMA** *(samb/-)***Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)**

Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha Bahagian (Strategi Korporat)]  
Encik Abd Qayyum bin Abd Jalil [PSU (P&K) 4]

**Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**

YBhg. Dato' Sabariah binti Hassan [Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi)]  
Puan Ilyani Md Razak [KPP (K) A2]

**Jabatan Akauntan Negara**

Encik Mohd Sabree bin Yaakub [Ketua Penolong Pengarah Kanan  
(Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi) (Perakaunan Persekutuan)]

**Unit Perancang Ekonomi (UPE)**

YBhg. Dato' Mohammad Radhi bin Abdul Razak [Timbalan Pengarah (Makro) (Industri Perkhidmatan)]  
Encik Wayne Kalang [Ketua Penolong Pengarah Bilateral Trade Kesihatan Swasta dan Pembinaan  
(Industri Perkhidmatan)]

**SAKSI-SAKSI****Kementerian Kewangan**

YBhg. Dato' Siti Zauyah binti Md Desa [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar)]  
YBhg. Dato' Khodijah binti Abdullah [Setiausaha Bahagian Cukai]  
Encik Hanafi bin Sakri [Timbalan Setiausaha Bahagian Cukai]

**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)**

YBhg. Datuk Sabin bin Samitah [Ketua Pegawai Eksekutif]  
Encik Mohd Idris bin Mamat [Pengarah Jabatan Pungutan Hasil]  
Encik Abu Tariq bin Jamaluddin [Pengarah Jabatan Undang-undang]  
Puan Siti Rosnah binti Md Hashim [Pengarah Jabatan Integriti dan Pengurusan]  
Encik Suhaimi bin Satar [KPP]  
Encik Ahmad Sauqi Ishak [Setiausaha Tugas-tugas Khas (Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif)]  
Encik Syarein Abu Samah [Setiausaha Khas 1 (Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif)]

---

**LAPORAN PROSIDING****MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA****Isnin, 27 Mac 2017****Bilik Jawatankuasa 1, Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.07 pagi***[Yang Berhormat Dato' Sri Hasan bin Arifin mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**Tuan Pengerusi:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai daripada Jabatan Audit Negara, wakil-wakil jabatan. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana dapat kita bermesyuarat pada pagi ini untuk satu perkara yang khusus tentang Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Jadi, Audit diketuai oleh Encik Abdul Rashid. Encik Rashid bahagian apa Encik Rashid? *You?*

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah Audit ICT, Jabatan Audit Negara]:** Prestasi.

**Tuan Pengerusi:** Prestasi, ya. Isu-isu yang kita hendak bangkitkan hari ini melibatkan pengurusan sekatan perjalanan ke luar negara. Ini merupakan satu perkara yang diperkatakan oleh masyarakat kadang-kadang. Saya pernah ke luar negara bersama Ahli Yang Berhormat Labuan, maknanya barang semua sudah masuk dalam kapal terbang, sekali hendak pergi Imigresen tidak boleh. Jadi, tunggu berjam-jam kena barang kena keluar balik ya, dia menyusahkanlah.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Termasuk *golf set* lah.

**Tuan Pengerusi:** *Golf set*, semua sekalilah barang-barang yang ada semua bawa keluar. So, kita kena berjam-jam menunggulah. So apa ini, hari ini kita akan dengarlah taklimat daripada Jabatan Audit sebelum kita memanggil merekalah. Silakanlah ini Jabatan Audit.

**Encik Abdul Rashid bin Yaakob:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada pagi ini. Sebelum sesi PAC ini melibatkan pegawai daripada LHDN, ingin saya menjelaskanlah berkaitan dengan pengauditan yang telah kita laksanakan bagi pengurusan sekatan perjalanan ke luar negara yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, Tahun 2015, Siri 2, yang telah dibentangkan pada tahun lepas.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri telah diberi kuasa untuk melakukan sekatan perjalanan terhadap mereka yang gagal ataupun mereka yang mempunyai tunggakan cukai sama ada Cukai Pendapatan ataupun Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT). Hak-hak sekatan ini pada mereka yang mempunyai tunggakan iaitu pada kadar RM10,000 bagi syarikat dan juga RM2,000 bagi individu.

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Ya, sekurang-kurangnya. Maksudnya di sini tunggakan, bukan cukai yang dikenakan. Dia mempunyai tunggakan kepada LHDN, jadi LHDN mempunyai kuasa untuk menyekat mereka ini daripada pergi ke luar negara. Itu sahaja. Untuk makluman, dia ada dua akta macam saya sebut tadi. Satu Akta Cukai Pendapatan yang meliputi Cukai Pendapatan Individu, Cukai Pendapatan Perseorangan, Cukai Pendapatan Syarikat dan juga kopersilah dan juga Cukai Keuntungan Harta Tanah.

Kita menjalankan pengauditan pada tahun 2016 dan kedudukan semasa kita menjalankan pengauditan, ada sebanyak 128,165 Sijil Sekatan yang masih aktif pada masa pengauditan dijalankan yang melibatkan amaun berjumlah RM3.4 bilion. Kalau kita tengok pada gambar rajah yang tertera... *[Pembentangan merujuk kepada slaid]* Ia melibatkan individu 154,000 dengan nilai RM2.5 bilion, bagi pengarah syarikat 1,279 kes yang melibatkan RM684 juta dan juga bawah CKHT individu yang melibatkan 9,732 dengan amaun berjumlah RM151 juta.

Sebenarnya dalam laporan kita ini, ada empat isu utama yang telah kita laporkan dan semua sebenarnya, semua sehingga sekarang, tindakan-tindakan telah diambil oleh pihak LHDN terhadap isu-isu yang telah pun dibangkitkanlah. So macam yang pertama, tindakan guaman sivil masih perlu diambil terhadap 1,600 walaupun kes penguatkuasaan sekatan perjalanan dikeluarkan.

Kedua, pelepasan sementara yang diluluskan 11 pembayar cukai individu sebelum permulaan dipersetujui diterima yang melibatkan amaun berjumlah RM1.42 juta.

*Next*, dan juga beberapa kes pegawai yang telah diluluskan pelepasan tetapi akhirnya dia tidak akur kepada janji untuk membayar sebagaimana yang dijanjikan dan juga tiada tindakan yang pernah diambil terhadap majikan yang mana dalam Akta Cukai Pendapatan membenarkan juga kepada kerajaan mengambil tindakan terhadap majikan yang pekerja mereka tidak membayar cukai yang akan ke luar negara...

**Tuan Pengerusi:** Majikan terbabit?

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Boleh dikenakan. Okey, yang pertama, ini adalah kes di mana kita temui 1,600 kes masih belum diambil tindakan guaman sivil. Maksudnya di sini, Lembaga Hasil Dalam Negeri telah mengenal pasti mereka yang telah mempunyai tunggakan yang tinggi dan telah pun mengeluarkan sijil sekatan kepada orang. Akan tetapi, berkemungkinan orang ini sudah dikenakan sekatan tetapi dia tidak pergi ke luar negara. So, sepatutnya Lembaga Hasil Dalam Negeri mengambil tindakan guaman sivil, mengambil *court action* terhadap mereka yang telah dikenakan sekatan untuk supaya mereka ini membayar cukai. Ini yang pertama. Ini melibatkan sejumlah RM95.25 juta.

*Next*. Kedua pula berkaitan dengan bagi mereka yang telah diluluskan sekatan perjalanan. Apabila seseorang itu mempunyai sekatan perjalanan, dia tidak boleh pergi ke luar negara. Ini adalah satu mekanisme yang diadakan dengan Jabatan Imigresen untuk memaklumkan kepada Jabatan Imigresen supaya mereka yang telah dikenakan sekatan supaya tidak membenarkan, tidak boleh melepasi untuk ke luar negara. Jadi dalam kes ini, bagi mereka yang telah dikenakan sekatan perjalanan dibenarkan untuk ke luar negara sekiranya pihak Ketua Pengarah LHDN berpuas hati ataupun pihak

pembayar cukai merayu dengan janji-janji ataupun dia perlu membayar sejumlah wang yang dipersetujui oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk mereka ke luar negara dan juga tindakan mereka untuk menjelaskan semua tunggakan-tunggakan tersebut. So ini yang kita temui. Maksudnya di sini, sebanyak 11 kes individu yang telah diberi pelepasan sementara, tetapi mereka tidak mematuhi perjanjian dengan LHDN untuk membayar. Ada kes juga di mana individu yang diberi pelepasan sementara walaupun tidak ada mengemukakan apa-apa bayaran kepada LHDN.

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Abdul Rashid bin Yaakob:** Ya. Dalam kes-kes, tetapi biasanya dia akan menyatakan *you* kena bayar dahulu *certain amount*, lepas itu dia bagi sekatan- dan baki itu *you* kena bayar mengikut *staggered whatever* yang dijanjikan. Akan tetapi yang kes yang kita temui ada dia tidak bayar pun, dia keluar juga pelepasan sementara. Ada juga kes di mana setelah dia bagi pelepasan, dia sudah pergi ke luar negara, dia balik dia tidak patuh kepada janji-janji mereka untuk membayar tunggakan cukai yang dikenakan.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Bila dia balik sepatutnya diambil tindakanlah sebab sudah mungkir janji.

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Ya. Sepatutnya dia kena ambil tindakanlah terhadap mereka.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Dia pergi itu sebelum dia bayar bukan? Syarat dia itu...

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Dia begini, untuk mereka layak- bila dia sudah kena sekatan, dia tidak boleh pergi ke luar negara. Bila dia tidak boleh pergi ke luar negara- kalau dia hendak pergi ke luar negara, dia kena buat rayuan kepada Ketua Pengarah dan Ketua Pengarah akan membenarkan sekiranya dia membayar sejumlah amaun...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *Pay firstlah.*

■1120

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** *Pay first.* Akan tetapi itu peraturan, tetapi ada yang kita temui dia tidak bayar pun...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Balik pun tidak bayar lagi.

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** ...Jalan juga. Ada juga yang dia bayar, dia pergi balik dia tidak bayar.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Ada yang pergi sebelum bayar, balik pun tidak bayar juga.

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Tidak bayar juga.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Okey, lagi?

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Okey, yang ketiga ini saya sudah cakap tadi yang mana? Ini yang ketiga, yang keempatnya adalah berkaitan dengan- ini berkaitan dengan seksyen dalam Akta Cukai Pendapatan yang memberi kuasa kepada Ketua Pengarah LHDN untuk mengambil tindakan terhadap majikan yang mana sebelum mereka- maksudnya di sini pihak LHDN tidak pernah mengambil tindakan

terhadap mana-mana majikan, terhadap pegawai-pegawainya yang pekerja-pekerja yang tidak menjelaskan cukai itu.

Maksudnya di sini dari segi peraturannya LHDN boleh ambil tindakan terhadap majikan yang pekerja-pekerjanya tidak menjelaskan cukai, itu sahaja.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Dia ambil tindakan terhadap majikan?

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Atas majikan.

**Tuan Pengerusi:** *That one civil kah criminal?*

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Sivil.

**Tuan Pengerusi:** Ha, sivil?

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Sivil.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad:** Maksudnya pekerja tidak bayar tetapi majikan yang kena?

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Ya. Boleh dikenakan.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad:** Oh... *[Ketawa]*

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** *Because* begini, dalam peraturan kalau tidak silap saya maksudnya apabila seseorang ingin meletak jawatan atau apa pun dia kena *submit* laporan kepada LHDN tiga bulan sebelum dia meletakkan jawatan dan pihak LHDN akan mengira jumlah cukai yang akan dikenakan. *So*, di situ pihak LHDN akan memastikan maklumat- mengikut peraturannya majikan kena *supply information* tersebut kepada LHDN berkaitan dengan pegawai mereka yang akan meletakkan jawatan. Sekiranya maklumat tersebut tidak disalurkan kepada pihak LHDN, pihak LHDN boleh dikenakan tindakan terhadap majikan yang gagal mematuhi syarat-syarat pegawai-pegawai yang akan meletakkan jawatan tersebutlah. Itu tindakan. *So*, apa yang kita bangkitkan di sini pihak LHDN tidak pernah mengambil tindakan terhadap majikan yang gagal memaklumkan kepada LHDN pegawai-pegawai mereka yang akan berhenti.

**Tuan Pengerusi:** Dia jumlah RM2,000 itu terlalu kecil, makna kalau pegawai hendak menganiaya ke orang RM2,000 sudah disekat perjalanan.

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** RM2,000 bagi individu.

**Tuan Pengerusi:** Ya lah, takkan RM2,000 hendak sekat perjalanan ya?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Dia hendak pergi luar negeri banyak lagi duit kena pakai, baik bayar sahaja... *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Kadang-kadang dia tidak tahu kah, dia pengarah syarikat kah, macam mana? Kalau dia hendak aniaya pada orang itu? Ya?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Majikan kena...

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Kalau boleh makan angin itu kecuali dia pakai *Enrich* lah *[Ketawa]*

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** *Enrich* pun tidak *because* ia melibatkan pasport, ia melibatkan pasport untuk hendak luluskan keluar, *because* sekatan ini kita antara LHDN dengan Jabatan Imigresen,



MyMIS dia. So maklumat tersebut disalurkan kepada sistem Imigresen yang menyebabkan seseorang itu tidak dapat melepasi...

**Tuan Pengerusi:** Okey, dari segi *legal, is it illegal?*

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Di bawah akta?

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Ya, ini di bawah akta.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *Discretion* kepada Ketua Pengarah Imigresen.

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Ini disebut ini bawah Akta Cukai Pendapatan yang membenarkan.

**Tuan Pengerusi:** Kalau sivil, kalau sivil bukan *criminal* lah ini.

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Sivil.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Sivil sebab dia tidak bayarlah, dia tidak bayar tunggakan itu sivillah itu. *It's not an offence* kan.

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** *Yes, is not an offence.*

**Tuan Pengerusi:** *This is not an offence* kan? *Is it an offence*, ada kita bawa *Legal Advisor? Is it an offence* kalau majikan tidak memotong gaji?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Kalau tidak *return form* itu...

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Nanti rasanya boleh tanya setakat mana tindakan yang telah diambil, boleh tanya kepada pihak LHDN.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad:** Cuma saya hendak tanya tadi, kata tiga bulan kalau dia hendak *resign*, dia kena maklumkan kepada LHDN. Akan tetapi kalau dia *resign* 24 jam, macam mana pula itu?

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Dalam kes ini dia ada tempoh, bagi saya mungkin itu ada pengecualian dialah.

**Tuan Pengerusi:** Dia begini, kalau 24 jam majikan takkan bayar gaji dia. Jadi apa-apa pun dia...

**Dato' Sabariah binti Hassan [Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi), Jabatan Perkhidmatan Awam]:** Dia kena bayar dengan *government*.

**Tuan Pengerusi:** Ya?

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad:** Oh, dia kena bayar balik.

**Dato' Sabariah binti Hassan:** Dia kena bayar balik.

**Tuan Pengerusi:** Dia kalau dalam syarikatlah, itu *government*. Kalau syarikat- okey apa lagi hendak *highlight*.

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Itu sahaja empat yang ingin itu- sebenarnya begini, dari segi apa yang kita lapor ini pihak LHDN telah pun mengambil tindakan. Semuanya saya rasa dia telah pun selesai terhadap isu-isu yang telah kita bangkitkan semuanya telah selesai diambil tindakan oleh pihak LHDN.

**Tuan Pengerusi:** Selesai.

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Dalam maklum balas masa Laporan Ketua Audit Negara pun kita maklum tindakan-tindakan ini telah diambil oleh pihak LHDN.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Kena bagi hijaulah.

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Sudah, sudah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, kalau sudah selesaikan mengapa kita panggilkan mereka lagi?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Kita hendak tanya kenapa dia *commit offence* itu. Dia sudah *remedy okay*. Kenapa dulu dia buat macam itu? Mungkin kita boleh tanya dia juga.

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Satu lagi Tuan Pengerusi, apa tindakan-tindakan yang telah diambil ini berasaskan kepada isu yang kita bangkit oleh sebab dalam kita menjalankan pengauditan, kita hanya pilih sampel sahaja. So kemungkinan di luar banyak, lagi banyak itu sahaja yang kita rasa mungkin pihak LHDN perlu mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang...

**Tuan Pengerusi:** Dulu akta ini dibuat oleh sebab *income tax* ini di bawah jabatan kerajaan. Sekarang ini *income tax* di-*corporatize*-kan ya. Maksudnya di-*corporatize*-kan, mana?

**Dato' Sabariah binti Hassan:** Yes, diperbadankan.

**Tuan Pengerusi:** Diperbadankan, betul?

**Dato' Sabariah binti Hassan:** Betul, *corporatize*.

**Tuan Pengerusi:** Okey, bila diperbadankan dia mempunyai skim gaji yang tersendiri, dia sudah tidak ikut JPA kan? Makna bonus dia pun boleh keluar berapa banyak, jadinya matlamat dia hendak mengutip sebanyak mungkin lah. Ada unsur-unsur kadang-kadang dia unsur-unsur ketidakadilan juga kepada pembayar cukai. Oleh sebab dia dulu dia tidak ada *interest*, sekarang ini Jabatan Audit sudah ada *interest*, dia hendak *collect* duit banyak-banyak supaya dia dapat bonus. Betul tidak ya, dapat bonus sudah dapat gaji besar.

Jadi akta itu maksudnya kadang-kadang tindakan dia tidak adil kepada pembayar cukai juga oleh sebab dia mempunyai kuasa yang mutlak dari segi penyekat orang perjalanan. Ada dua perkara tidak membayar cukai, sivil ya. Ya? *Discuss*, dia panggil CEO sekarang ini ya? Ketua...

**Beberapa Ahli: [Menyampuk]**

**Tuan Pengerusi:** Ketua Pengarah jawatan dia.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Ketua Eksekutif kah, Ketua Pengarah?

**Dato' Sabariah binti Hassan:** Ketua Eksekutif.

**Tuan Pengerusi:** Dia Ketua Pegawai Eksekutif.

**Dato' Sabariah binti Hassan:** Eksekutif.

**Encik Saiful Anuar bin Jaafar [Ketua Penolong Pengarah, Jabatan Audit Negara]:** Dia "Ketua Pegawai Eksekutif" slash "Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri". Dia masih guna lagi...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Kalau akta, dia "Ketua Pengarah", kan?

**Tuan Pengerusi:** Bila dia di-*corporatize*, adakah dia layak mengguna perkataan itu? Ha, ya dari segi legal, undang-undang.

**Dato' Sabariah binti Hassan:** Boleh. Boleh menggunakan nama lama ataupun nama baru. Selalunya Tuan Pengerusi, bila agensi kerajaan, bila dia sudah di-*corporatize*, selalunya dia menggunakan nama yang lebih glamor lah, Ketua Eksekutif, jadi nampak macam- *actually they are CEO*.

Tadi Yang Berhormat, dari segi kenapa kita *corporatize* Jabatan Hasil, ialah kita salah satunya lah ya, mereka ini sebagai agen untuk mengutip hasil kerajaan. Dulu banyak kekangan- satu, *they are shorten of their* sumber manusialah. Jadi banyak kekangan hendak wujudkan jawatan sebagainya dengan dasar kerajaan, susah sedikit. Akan tetapi bila ia *corporatize*, ia sebagai agen mengutip hasil kerajaan, ia boleh mengambil sumber manusia dengan lebih fleksibel. Jadi itu matlamatnya lah.

Jadi kalau dia boleh *collect* banyak pada kerajaan dan dia dapat bonus yang berlainanlah. Jadi kita ada *compensation* kepada syarikat ini supaya mereka kerja lagi rajinlah, rajin...

**Tuan Pengerusi:** Pada tahun berapa dia *corporatize*, tahun berapa?

**Dato' Sabariah binti Hassan:** Saya rasa- minta maaf Tuan Pengerusi tidak berapa ini.

■1130

**Tuan Pengerusi:** Lama dah?

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Cuma satu Yang Berhormat, walaupun LHDN telah di *corporatize*-kan tetapi dia masih menggunakan akta yang lama, iaitu Akta Cukai pendapatan 1967, akta yang sama. Saya rasa mungkin sebab itulah kenapa nama "Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri" dikekalkan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sebenarnya orang tak pernah *challenge* di mahkamah. Kalau orang *challenge* di mahkamah...

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Saya rasa itu sebab nama itu masih dikekalkan.

**Tuan Pengerusi:** Tak, tak orang tak pernah- bila di *corporatize*-kan, orang tak pernah *challenge* di mahkamah kuasa dia, sama ada dia ada hak atau tidak. Adakah pernah ada kes-kes dia?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *Locus standi*.

**Tuan Pengerusi:** Ada. Pernah orang *challenge*, makna dulu dia di bawah jabatan, sekarang dia di bawah, sama ada dia mempunyai kuasa yang sama?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Akan tetapi kalau *establishment* baru, katakan "CEO of LHDN", dia kena pinda akta itu sebab dalam akta tersebut "Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri"- *it's totally different than CEO*.

**Tuan Pengerusi:** Cuba Yang Berhormat Kota Bharu bangkitkanlah. *You lawyer* ya?

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad:** Macam dulu, Tenaga Nasional- bila dia nak buat, dia buat akta baru.

**Tuan Pengerusi:** Dia buat akta baru ya?

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad:** Ya.

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** Tak ada. Dia masih guna akta itu.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sama ada akta itu *valid* atau tak *valid*, dia mempunyai kuasa *to execute* akta itu.

**Dato' Sabariah binti Hassan:** Yang Berhormat, apabila sesuatu agensi kerajaan diperbadankan ataupun diswastakan, penasihat undang-undang negara akan terlibat sama. Jadi dia akan melihat dari segi perundangan yang terlibat dan juga kuasa-kuasa yang perlu kita bagi kepada agensi tersebut. Jadi mungkin satu idea yang baguslah agaknya supaya *to look from the other side of the coin*. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Okey, boleh panggil lah sekarang.

*[Saksi-saksi dari Kementerian Kewangan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia mengambil tempat di depan Jawatankuasa]*

**Tuan Pengerusi:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, salam 1Malaysia. Yang Berbahagia Dato' Siti Zauyah binti Md Desa, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Bahagian Dasar; Encik Hanafi bin Sakri, Timbalan Setiausaha Bahagian Cukai; wakil daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri iaitu Datuk Sabin bin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif; pegawai-pegawai daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri; pegawai-pegawai kerajaan; dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Terlebih dahulu saya bagi pihak PAC ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kehadiran Dato' selaku wakil Perbendaharaan, dan Datuk Sabin dari LHDN ke prosiding PAC berhubung dengan Laporan Audit 2016. Pertamanya, kita tahu bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri telah *dicorporatize*-kan pada tahun 2009 dan mempunyai skim yang tersendiri, bukan lagi di bawah jabatan biasa di mana pelantikan semua adalah *in-house*. Bukanlah daripada- dan skim perkhidmatan, bonus dan semua adalah dibayar keputusannya oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Jadi bersabit dengan itu, saya percaya tugas dilantik oleh kerajaan adalah untuk mengutip sebanyak mungkin cukai, itu yang cukai. Dalam masa yang sama, pegawai-pegawai kakitangan LHDN diberi *reward*, bonus, dan sebagainya. Jadi ada dua agensi iaitu LHDN dan pembayar cukai. Selaku kerajaan kita hendak melihat bahawa kita mesti adil dari segi pembayar cukai dan LHDN, adil untuk semua orang.

Dalam kes sekatan perjalanan yang diaudit oleh Jabatan Audit, kadangkala menimbulkan keresahan dan orang dah masuk dalam kapal terbang, barang keluar balik, *delay* berjam-jam, banyaklah perkara-perkara. Jadi kita hendak tahu dari segi mekanisme sekatan ini, bagaimana cara *you* melaksanakan mekanisme itu? Laporan Audit, boleh *you* terangkan sedikitlah daripada *finding*- daripada Jabatan Audit itulah. Silakan Dato'. Dato' Siti Zauyah. Ini kawan lama saya, di UDA.

**Dato' Siti Zauyah binti Md Desa [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Bahagian Dasar)]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi kepada yang Berhormat Dato' Sri Hasan bin Arifin, Pengerusi PAC; Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Naib Pengerusi PAC; Ahli-ahli PAC yang dihormati; serta ketua-ketua; serta wakil-wakil agensi yang hadir.

Terlebih dahulu saya memperkenalkan diri saya, Siti Zaayah binti Md Desa, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Sektor Dasar. Di sebelah kiri saya ialah Yang Berbahagia Dato' Khodijah binti Abdullah, Setiausaha Bahagian Cukai Kementerian Kewangan; Encik Hanafi adalah Timbalan, tetapi saya meminta supaya Dato' Khodijah juga turut hadir. Di sebelah kanan saya ialah Yang Berbahagia Datuk Sabin bin Samitah, Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri ya.

Bagi menjawab persoalan dan isu-isu berkaitan sekatan perjalanan ke luar negara, saya mempersilakan Yang Berbahagia Datuk Ketua Pengarah LHDNM untuk memberi pandangan, silakan.

**Datuk Sabin bin Samitah [Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi. Terima kasih Dato' Siti Zaayah.

Yang Berhormat Dato' Sri Hasan bin Arifin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara; Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Naib Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara; Yang Berhormat-Yang terhormat Ahli PAC; tuan-tuan; dan puan-puan, sekalian.

Berhubung dengan proses pengeluaran Sijil Sekatan ke luar negara, ini adalah salah satu mekanisme yang dilakukan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk meningkatkan pematuhan kutipan cukai yang tertunggak. Bukan sahaja negara Malaysia yang mengamalkan kaedah ini, tetapi juga diamalkan oleh negara-negara yang lain. Apabila Sijil Sekatan ini telah dikeluarkan, pembayar cukai tidak akan dapat keluar negara disebabkan sekatan yang dikenakan oleh Jabatan Imigresen. Walau bagaimanapun, seorang pembayar cukai yang telah ditahan oleh Jabatan Imigresen, mereka masih boleh membuat rayuan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk membuat peraturan bayaran untuk membolehkan mereka diberikan pelepasan sementara ke luar negara atas sebab-sebab yang diberikan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

■1140

Pelepasan yang diberikan adalah mengikut tempoh yang dipohon oleh pembayar cukai dan sekembalinya pembayar cukai ke dalam negeri. Sekatan penahanan tersebut akan berkuat kuasa semula. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Ada ahli daripada Audit. Dari segi mekanisme, macam mana *you*- itu bergantung pada pegawai ataupun ada *you* punya jumlah, berapa dia punya, berapa tahun, dia punya itu.

**Datuk Sabin bin Samitah:** Terima kasih Yang Berhormat. Lembaga Hasil Dalam Negeri mempunyai Manual Prosedur Kerja yang jelas yang dipatuhi oleh semua pegawai dan juga pengarah-pengarah di cawangan-cawangan apabila mengambil tindakan untuk mengeluarkan Sijil Sekatan ini. Di dalam Manual Prosedur Kerja tersebut, kita telah tetapkan *threshold* yang perlu dipatuhi oleh pegawai. Pada masa sekarang, *threshold* tersebut adalah RM2,000.

**Tuan Pengerusi:** Aktalah bukan *threshold*. Itu adalah akta ya. Kalau satu angka itu *dispute*? Macam mana? Adakah *you* boleh masuk dalam *dispute figure*? Adakah *you* mempunyai kuasa untuk membuat sekatan perjalanan?

**Datuk Sabin bin Samitah:** Amaun yang dipertikaian oleh pembayar cukai, mereka mempunyai kaedah rayuan yang jelas Yang Berhormat. Di mana, mereka perlu mengisi Borang 'Q', *Form 'Q'* untuk dikemukakan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri dan seterusnya, Lembaga Hasil Dalam Negeri akan kemukakan kepada Pesuruhjaya Cukai. Itu dari segi rayuan cukai, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Kalau dalam proses mahkamah, kes itu di mahkamah, adakah *you* boleh buat sekatan perjalanan?

**Datuk Sabin bin Samitah:** Selagi tidak ada perintah daripada mahkamah yang dikeluarkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri, dan selagi amaun itu masih tertunggak, Lembaga Hasil Dalam Negeri mempunyai kuasa untuk mengeluarkan Sijil Sekatan perjalanan, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Selagi ada, sebelum perintah mahkamahlah? Ya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Pengerusi, saya ada dua soalan hendak tanya. Pertama, adakah masih wujud jawatan "*Director General of Inland Revenue*" as per section 104 akta. Kedua, dalam seksyen 104 ini, ia sebut sini, "*The Director General, where he is of the opinion that any person is about or likely to leave Malaysia without paying...*", dia adalah syarat-syarat itu. Apa kriteria yang digunakan oleh *Director General of LHDN* ini untuk dia berpendapat orang itu boleh dilepaskan dengan syarat-syarat tadilah. *Settle all the debts or* bagi sekuriti sebagaimana dalam seksyen.

*What are the criteria's use by that Director General of Inland Revenue* untuk lepaskan seseorang ini? Sebab dalam akta ada sebut, "*opinion*"- pada pendapat. Terima kasih.

**Datuk Sabin bin Samitah:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Jawatan *Director General* masih ada lagi di dalam Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri, dan jawatan tersebutlah yang memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah. Pada masa ini, adalah saya sendiri untuk menjalankan kuasa-kuasa di dalam akta tersebut.

Dari segi, apakah kriteria-kriteria...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Sekejap Datuk. Sekejap Datuk, sebelum pergi.

**Datuk Sabin bin Samitah:** Ya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** So, adakah kita difahamkanlah selepas LHDN ini di-*corporatize*. So, wujud jawatan "*CEO of the Inland Revenue*", apa kaitan dua jawatan ini?

**Datuk Sabin bin Samitah:** CEO ini lebih kepada menjalankan tugas-tugas. Saya sebagai Lembaga Hasil Dalam Negeri, sebagai sebuah Badan Berkanun Kerajaan. Manakala, jawatan "Ketua Pengarah" adalah jawatan untuk saya menjalankan tugas Ketua Pengarah berdasarkan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Yang Berhormat, *but the same person*.

**Tuan Pengerusi:** Ada pernah dicabar di mahkamah, bila di *corporatize*-kan? Macam TNB, bila di-*corporatize*-kan dia pinda akta itu. Adakah LHDN ini di-*corporatize*-kan, dia pinda beberapa akta? Maknanya, kalau Telekom Malaysia, Lembaga Elektrik Negara, bila di-*corporatize*-kan, pinda akta. Adakah dia, akta itu dipinda tidak? Adakah dari segi pernah dicabar tidak? Maknanya, *you* CEO ada memberi kuasa dari segi itu.

**Datuk Sabin bin Samitah:** Yang Berhormat, saya meminta Dato' Zauyah sebagai wakil Kementerian Kewangan menjawab.

**Dato' Siti Zauyah binti Md Desa:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Dalam kes TNB dan Telekom, mereka adalah syarikat *public listed companies*, lah dengan izin. Jadi, Kementerian Kewangan tidak ada apa-apa pegangan ataupun kuasa atas syarikat-syarikat ini. Kita cuma hanya ada *golden share*, saham khas. Di mana, tiada kuasa untuk mengundi atau membuat keputusan. Jadi, kuasa itu hanya untuk bersuara sahaja.

Dalam kes Lembaga Hasil Dalam Negeri, mereka adalah masih badan berkanun. Di mana, saraan mereka dibebaskan. Bermakna mereka boleh beroperasi berdasarkan *self-financing, self-funded* dan kita menilai Lembaga Hasil Dalam Negeri berdasarkan prestasi kutipan dia. Itu bezanya.

**Tuan Pengerusi:** Maksud saya lebih jauh ini. Dari segi *execution power*. Ada legal LA sini? Ada bawa, you bawa LA tidak? *Execution power*.

**Datuk Sabin bin Samitah:** Ada Tuan Pengerusi. Saya mohon untuk Pengarah Jabatan Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk memberikan penjelasan. Encik Abu Tariq. Jika dibenarkan.

**Tuan Pengerusi:** Silakan.

**Encik Abu Tariq bin Jamaluddin [Pengarah Jabatan Undang-undang, LHDN]:** Terima kasih Datuk dan Tuan Pengerusi. Semasa Lembaga Hasil dilembagakan, kita ada akta khas untuk tersebut iaitu Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri. Akan tetapi, kuasa-kuasa di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967, masih ada. So, pada masa ini ada dua akta. Satu Akta Lembaga, di mana Yang Berbahagia Datuk Sabin sebagai CEO untuk proses kutipan cukai, dia masih tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.

Jadi, kuasa-kuasa untuk bangkitkan sekatan perjalanan ataupun kutipan cukai masih di bawah akta tersebut.

**Tuan Pengerusi:** Saya bukan bercakap dari segi akta sekatan ini. Dari segi keseluruhan. Keseluruhan akta, jabatan *execution power*. Dari segi bukan satu ini, di mana akta imigresen *execution power* dia jabatan kerajaan. So, sekarang ini akta itu ditegaskan adalah *corporatize*. Macam mana Yang Berhormat Kota Bharu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Pengerusi, saya pun sependapat dengan Tuan Pengerusi. *How can one body when you corporatize, you masih menggunakan old act*. Di mana ia sebagai jabatan kerajaan dahulukan? Jabatan Hasil Dalam Negeri dahulukan? Bila sudah jadi Lembaga Hasil Dalam Negeri, *you have your own act and then in the new act, you have "CEO."* *In the old act, you have a "Director General"- same person holding two posts in a two statute and then with a different functions* itu yang saya rasa Tuan Pengerusi setakat ini tidak ada orang *challenge*—lah. Akan tetapi, dari segi legal tidak tahulah mungkin AG sudah tengok kah? AGC.

**Encik Abu Tariq bin Jamaluddin:** Di bawah Akta Cukai Pendapatan, "Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri" memang disebut adalah "Ketua Pegawai Eksekutif" di bawah Lembaga. So, perkara perundangan tersebut telah dinyatakan dengan jelas di bawah akta. Yang Berhormat.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Seksyen berapa?

**Encik Abu Tariq bin Jamaluddin:** Seksyen 136 di situ- Akta Cukai Pendapatan.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya dibuat akta khusus?

**Encik Abu Tariq bin Jamaluddin:** Akta khusus untuk penubuhan Lembaga.

**Tuan Pengerusi:** Untuk *transfer the power*?

**Encik Abu Tariq bin Jamaluddin:** Benar.

**Tuan Pengerusi:** Daripada jabatan kepada *corporatize*, dia panggil apa sekarang ini?

**Encik Abu Tariq bin Jamaluddin:** Lembaga Hasil Dalam Negeri.

**Tuan Pengerusi:** Lembaga?

**Encik Abu Tariq bin Jamaluddin:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Lembaga. Sekarang "*Lembaga*". Ada dia, maknanya *transfer power* itu dia nyatakan dalam akta? Adakah akta induk itu telah dipinda?

■1150

Adakah akta induk itu telah dipinda..

**Encik Abu Tariq bin Jamaluddin:** Secara spesifiknya Yang Berhormat ialah seksyen 134(1A) atau cukai pendapatan- saya minta maaf tadi 134(1A).

**Tuan Pengerusi:** Dipinda ya?

**Encik Abu Tariq bin Jamaluddin:** Dipinda. Diperkenalkan peruntukan subseksyen baru di bawah Akta Cukai Pendapatan yang menyebut, "*the Chief Executive Officer of the Inland Revenue Board of Malaysia appointed under Inland Revenue Board of Malaysia shall be the Director General of Inland Revenue...*"

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Dato' *Chairman*?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Satu soalan saya tadi, yang kedua, *second part of my question*. *What are the criteria* yang digunakan oleh Ketua Pengarah itu untuk membenarkan atau tidak membenarkan seseorang yang ada tunggakan cukai itu untuk pelepasan sementara itu?

**Datuk Sabin bin Samitah:** Terima kasih, Yang Berhormat. Antara perkara-perkara yang dipertimbangkan oleh Ketua Pengarah untuk melihat sama ada permohonan untuk diberikan pelepasan sementara boleh dipertimbangkan ataupun tidak adalah rekod pembayaran oleh pembayar cukai tersebut. Dia punya *history* dia sama ada ini *habitual tax defaulters* ataupun dia ini sebenarnya bila kita diberikan peraturan ansuran itu, dia sememangnya patuh.

Kita juga meminta pembayar cukai tadi untuk mengemukakan analisis aliran tunai ataupun *cash flow analysis* dia sendiri ataupun pemiagaan dia sendiri untuk melihat kedudukan kewangan beliau dan kita juga melihat, apakah tujuan pembayar cukai tersebut hendak ke luar negara sama ada atas urusan



perniagaan, urusan peribadi ataupun sebagainya. Kita juga meminta pembayar cukai untuk memberikan jaminan untuk membayar cukai yang tertunggak sebelum permohonan beliau dipertimbangkan.

Jadi itu adalah antara kriteria yang digunakan oleh Lembaga Hasil dalam Negeri untuk menilai permohonan untuk mendapat pelepasan sementara Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Dari segi tidak membayar cukai ini *is a civil?*

**Datuk Sabin bin Samitah:** Ya. Tidak membayar, ya.

**Tuan Pengerusi:** *Sivil is it, it's not criminal ya?*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Dia hutang kepada kerajaan.

**Encik Abu Tariq bin Jamaluddin:** Sivil.

**Tuan Pengerusi:** Sivil. Okey.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Satu lagi, apa pasal *you* tidak menggunakan potongan gaji. Maknanya katakanlah Yang Berhormat Kota Bharu tidak bayar cukai, apa pasal *you* tidak mengarahkan potong gaji sebelum *you* sekat dia di perjalanan. Maknanya- tidak potong gaji *is a criminal is it?* Katakanlah, *you* arahkan majikan dia potong gaji. *It is criminal or civil?*

**Datuk Sabin bin Samitah:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, tindakan untuk menyekat pembayar cukai ke luar negara ini adalah antara tindakan yang terakhir diambil oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Sekiranya pembayar cukai tersebut bekerja dengan majikan, kita akan meminta majikan untuk membuat potongan gaji berdasarkan *cash flow* pekerja tadi. Jika ada potongan gaji yang dipersetujui, kita tidak akan mengeluarkan Siji Sekatan perjalanan.

Begitu juga, sekiranya seorang pembayar cukai tersebut mempunyai tunggakan cukai dan beliau datang ke Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk membuat peraturan bayaran secara ansuran dalam tempoh mungkin setahun ataupun setahun lebih, kita tidak akan mengeluarkan Sijil Sekatan perjalanan kepada beliau, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Dato' *Chairman?*

**Tuan Pengerusi:** Satu lagi soalan. Katakanlah *you XY company, you* arahkan dipotong gaji. Kalau dia tidak potong gaji, *is it criminal or civil?*

**Datuk Sabin bin Samitah:** Kita akan ambil tindakan jenayah kepada majikan tadi Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** *That why it is very strong.* Maknanya kadang-kadang kena- kadang-kadang bila *you corporatized you* hendak kutip banyak duit. Oleh kerana *you* dapat banyak bonus. *Sometimes you* tidak hendak gunakan *you* punya kuasa- maknanya antara pembayar cukai dengan itu *you* kenalah gunakan *discretion* maknanya potong gaji. Potong gaji, *criminal.*

*You should use that power instead of* sekat orang berjalan. Katalah pembayar cukai RM20,000, gaji dia RM30,000- RM20,000 tunggak juga, *you* sekat dia berjalan. Walhal, dia punya gaji RM30,000. Walhal, *you* boleh guna *discretion-* mengarahkan...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Dato' Sri, hendak dapatkan *clarification* sikit. *Is it true* kalau majikan tidak buat potongan adalah satu kes *criminal compared to* kalau EPF, kalau KWSP majikan tidak bayar tidak buat potongan itu sivil. Dia kena di saman di *civil court* tetapi kalau- tidak tahulah saya hendak dapat penjelasan. Adakah betul *criminal under the act*?

**Datuk Sabin bin Samitah:** Terima kasih, Yang Berhormat. Encik Abu Tariq?

**Encik Abu Tariq bin Jamaluddin:** Apabila kita mengeluarkan arahan Yang Berhormat, untuk mematuhi sesuatu arahan atau Notis yang dikeluarkan. Kegagalan mematuhi Notis itu adalah kesalahan jenayah lah tetapi kalau ada isu-isu *collection* yang patut mereka buat tetapi mereka sudah pegang atau ambil dan tidak bayar *remit* kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri, maka tuntutan itu sivil lah. Akan tetapi, untuk tidak mematuhi Notis yang dikeluarkan itu adalah kesalahan jenayah, dan denda hanyalah RM2,000 maksimum dan minimum RM200 sebenarnya, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Dato' *Chairman*, can I just- I didn't- soal SOP ini. Dia punya *benchmark* untuk menyekat pembayar cukai itu berapa jumlahnya sebenarnya yang paling minimum sebelum dia buat sekatan.

**Datuk Sabin bin Samitah:** RM2,000 Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** RM2,000?

**Datuk Sabin bin Samitah:** Ya, minimum.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Minimum, individu.

**Datuk Sabin bin Samitah:** Ya.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Untuk syarikat, sama?

**Datuk Sabin bin Samitah:** Untuk syarikat ini kita tidak tahan- *sorry* Yang Berhormat kita...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Pemilik dia.

**Datuk Sabin bin Samitah:** Pemilik dia, okey. Pemilik dia RM5,000.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** *Are you sure? Because* saya pernah ini saya jadi *victim*. Saya disekat berjalan, hutang RM11,000. Rumah saya kena serbu dengan cara kasar seolah-olah ini saya melarikan diri. Tidak pernah LHDN berhubung dengan saya, tiba-tiba masuk rumah saya macam penjenayah. Ini tabiat tidak baik. Ini pengalaman saya sendiri dan saya disekat di Kota Kinabalu untuk pergi ke luar negara. Hutang RM11,000.

Apabila saya telefon dengan LHDN, hutang itu sudah di-*clear but* Imigresen di Kuala Lumpur *clear, I can travel through* KLIA *but* di KK masih lagi dalam sistem mereka, *I* kena *banned*. Jadi ini satu SOP saya rasa tidak begitu baik dengan imej LHDN ini macam penjenayah juga. *So*, itu satu.

Keduanya, saya agak bersetuju dengan Dato' Sri *Chairman*. Soal bukan semuanya pegawai daripada LHDN ini untuk menemui semua pembayar cukai dengan cara peribadi walaupun ada sistem bilik-bilik yang dipanggil jika hendak *appeal*. Itu betul tetapi bukan semua. Bayangkan pembayar cukai yang tertunggak ini saya rasa *a lot*.

## ■1200

*So, why can't the system to be made easier through potongan gaji or buat satu penjelasan, taklimat yang spesifik, regular specific kepada pengurus-pengurus syarikat. Why is this not been done? Selain daripada lebih kepada taking action, making the job easier for you. So, if it is a criminal case to cut gaji ini, why can't we look at the act supaya lebih menyenangkan kepada pihak LHDN to collect back jumlah-jumlah yang tertunggak ini? Ini kerana pertanyaan saya di Parlimen last week, tertunggak dia sudah berapa juta itu, banyak betul. Semenjak daripada mana, semenjak daripada 20 tahun, 30 tahun yang lalu masih tertunggak. Can you verify this one with apa jawapan daripada Parlimen itu, betul atau tidak?*

**Datuk Sabin bin Samitah:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin membuat pembedaan tadi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, *threshold* untuk syarikat adalah RM10,000 dan bukan RM5,000. Berkenaan dengan kaedah pemotongan gaji untuk memungut cukai-cukai yang tertunggak, ini adalah tindakan yang kita lakukan kepada pembayar cukai yang mempunyai majikan. Akan tetapi, terdapat juga kes-kes di mana pembayar cukai ini adalah menjalankan perniagaan secara individu, *sole proprietors*. Jadi mereka ini tidak ada majikan. Jadi bila mereka ini tidak ada majikan, kaedah pemotongan gaji ini tidak dapat dibuat.

Berkenaan dengan taklimat-taklimat kepada syarikat-syarikat untuk membolehkan mereka membuat potongan gaji kepada pengarah dia atau kepada pekerja mereka, sebagai makluman Yang Berhormat, tindakan ini sememangnya dilaksanakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dari semasa ke semasa. Kita juga memaklumkan perkara ini kepada persatuan-persatuan akauntan ataupun kepada ejen-ejen cukai dan juga kepada *Chartered Tax Institute of Malaysia* supaya mereka membuat potongan gaji kepada pekerja-pekerja ataupun pengarah-pengarah mereka.

Saya ingin mengucapkan terima kasih di atas cadangan oleh Yang Berhormat tadi untuk Lembaga Hasil Dalam Negeri mengambil tindakan memantapkan lagi dan memperkemas lagi proses kerja di Lembaga Hasil Dalam Negeri. Walau bagaimanapun, berkenaan dengan jumlah tunggakan, saya tidak mempunyai jumlah tersebut pada masa sekarang. Jika diperlukan, saya boleh memberikan secara bertulis nanti Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya hendak tanya sedikit tentang *threshold* ini, Akta Cukai ini dibuat dalam tahun 1967, dan *threshold* ketika itu RM2,000. Waktu itu RM2,000 banyaklah tetapi *after* 50 tahun, kalau tahun 1967 ke tahun 2017, sekarang sudah 50 tahun. Tempoh 50 tahun itu, apakah nilai RM2,000 itu bersesuaian dengan sekarang ini? Apakah tindakan pihak LHDN untuk membuat koreksi ini? Kalau RM2,000 sekarang ini, sedikit sangatlah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** ...50 kalilah.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad:** Bukan 50 kali, lima kali sahaja. Lima atau hingga 10 kali.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** *[Ketawa]*

**Datuk Sabin bin Samitah:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan dan cadangan tadi. Lembaga Hasil Dalam Negeri akan meneliti dan mengambil kira cadangan tersebut.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Putatan tadi, dari segi *online* ini, maknanya antara Jabatan Imigresen dengan LHDN, banyak kadang-kadang orang naik kapal terbang kena keluar balik barang, *flight delay* kerana kes-kes LHDN ini, banyak saya dengar rungutan-rungutan, ada...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Saya kena.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Maknanya kena keluar balik sebab imigresen tidak hendak *clear*. Maknanya *you* punya sistem itu, sistem antara LHDN dengan Imigresen itu. Macam di Sabah tidak *clear*, KL *clear*, tetapi di Sabah tidak *clear*.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** *It was fortunate that I know the Director of Immigration. I called him direct, so it has been cleared but actually, it's has been cleared, otherwise I can't be standing for election.*

**Tuan Pengerusi:** Satu lagi macam Yang Berhormat Langkawi cakap, mungkin akta ini secara keseluruhan harus dilihat semulalah bersesuaian dengan keadaan. Tahun 1967, tidak pernah dipinda?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Amaun itu pun kena pinda...

**Tuan Pengerusi:** Tidak. Hal-hal lain macam...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** RM2,000 itu kena pinda.

**Tuan Pengerusi:** Makna kalau *young executive*, orang hendak pergi umrah. Kadang-kadang, banyak kesnya orang hendak pergi umrah tahan, orang apa ini, di lapangan terbang RM2,000. Kadang-kadang dia tidak dapat Notis itu, tidak dapat, dia tidak tahu, macam-macam.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Hendak tanya sahaja, fasal sekatan tadi ini Datuk Sabin, orang-orang yang dikenakan sekatan ini, apakah mereka diberi Notis, makna bukan *they find out themselves when they want to go out?*

**Datuk Sabin bin Samitah:** Terima kasih Yang Berhormat. Sememangnya Lembaga Hasil Dalam Negeri sebelum mengeluarkan Sijil Sekatan ini, kita akan mengeluarkan Surat Tuntutan Baki Cukai Pendapatan yang tertunggak dan kita juga menawarkan kepada mereka untuk membuat peraturan bayaran secara ansuran jika mereka tidak mampu untuk membayar sekali gus. Selepas itu, sekiranya mereka masih gagal untuk membuat peraturan bayaran secara ansuran, kita akan mengeluarkan surat kepada mereka bahawa tindakan undang-undang akan diambil.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Akan tetapi sekatan tiada?

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *Now, I mean very clear, the moment there are already sekatan because tidak ada apa-apa dibuat dari pihak pembayar cukailah, then keluar satu surat, "You are now being restricted to go out of the country". Just like that, so that dia tidak payah pergi airport, tidak payah beli tiket, tidak payah beli apa...*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** ...Embarrass.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *Embarrassment* itu daripada segi sosialnyalah tetapi *delay to the plane, to all the other passengers, and all these thing*. Macam-macamlah dia punya kesan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Pengerusi...

**Datuk Sabin bin Samitah:** Tuan Pengerusi, saya minta Pengarah Jabatan Pungutan Hasil untuk memaklumkan prosedur kerja secara *detail* berkenaan dengan pengeluaran Notis pemakluman kepada pembayar cukai.

**Encik Mohd Idris bin Mamat [Pengarah Jabatan Pungutan Hasil, Lembaga Hasil Dalam Negeri]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Yang Berhormat, Notis Sijil Sekatan perjalanan ini telah pun dikeluarkan kepada semua pembayar cukai yang dikenakan tindakan sekatan perjalanan ke alamat terakhir yang berada dalam data Lembaga Hasil Dalam Negeri. Bermakna kalau ada sekatan itu, *that is mean* surat telah pun dikeluarkan ke alamat terakhir yang sudah ada dalam data Lembaga Hasil Dalam Negeri. Terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Pengerusi, ini *specific question*. Tadi saya berpuas hatilah dengan penjelasan bahawa kriteria yang digunakan oleh DG untuk membuat pelepas ini. Pada hari ini, ada penemuan Audit mendapati 11 kes individu yang telah diluluskan pelepasan sementara sebelum bayaran permulaan yang dipersetujui diterima dan nilainya sehingga RM1.42 juta. Kenapa boleh berlaku kalau dalam akta itu menyebutkan begitu? Terima kasih.

**Datuk Sabin bin Samitah:** Terima kasih Yang Berhormat. Dalam kes-kes tertentu, biarpun tidak ada pembayaran yang dibuat, sekiranya pembayar cukai mampu untuk menunjukkan bahawa beliau akan membuat pembayaran dan juga memberikan surat jaminan bahawa beliau akan membayar cukai sekembalinya beliau daripada luar negara. Kita akan mempertimbangkan sekiranya tujuan dia ke luar negara itu bukan berbentuk peribadi.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Sabin bin Samitah:** Maksud dia bukan *holiday* ataupun... *[Disampuk]* Ya.

■1210

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Yang 11 kes ini kes semua melibatkan macam itu yang *special circumstances* macam itukah- apa ini yang *these, 11 cases?*

**Datuk Sabin bin Samitah:** Puan Siti Rosnah *can you?* Yang Berhormat, saya minta Pengarah Jabatan Integriti dan Inspektorat untuk memberikan penerangan.

**Puan Siti Rosnah binti Md Hashim [Pengarah Jabatan Integriti dan Pengurusan, Lembaga Hasil Dalam Negeri]:** Okey. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum.* Kes-kes ini telah diambil tindakan, sebagai contoh satu kes adalah berkaitan dengan rayuan tanah kumia, satu kes gagal dikesan, tiga kes dalam tindakan guaman sivil, dua kes dalam ansuran yang kita benarkan, satu kes rayuan mahkamah, satu kes tindakan kebangkrapan, dan *the bakinya* telah selesai tunggakan Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, memang kutipan daripada LHDN ini sangat rumit. Saya tidak akan- cuma itulah, apakah pendapat LHDN mengenai syor Audit ini. Daripada ini ada tiga syor di sini, bolehkah ini dipertimbangkan?

**Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha Bahagian (Strategi Korporat) Kementerian Kewangan]:** Yang Berhormat saya ingat Lembaga Hasil tidak dibekalkan dengan syor ini. Ini yang kita bincangkan sebelum mereka masuk.

**Tuan Pengerusi:** Oh, cuma bahagian cukai tadi ya, macam Yang Berhormat Langkawi cakap tadi, adakah usaha-usaha untuk meminda akta ini kerana tahun 1967, mungkin sudah sampai masanya kita kena pinda banyak yang perkara-perkara sudah...

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad:** Waktu itu gula baru suku sen, sekarang RM2.80 [Ketawa]

**Tuan Pengerusi:** Maknanya, perasaan tidak adillah dia kena RM2,000, saya kena sekat. *Because* dia kata hutang RM5,000 saya kena sekat perjalanan, kalau yang eksekutif, *middle class executive* kah hutang dia RM10,000 katalah, *you* sudah kena sekat perjalanan, gaji dia RM10,000 maknanya amaun itu kena tengok secara keseluruhanlah. Bukan amaun tetapi dari segi aspek memperkukuhkan dari segi potongan gaji itu. Maknanya kalau majikan tidak potong gaji takkanlah RM2,000 kena naikhlah lagi sampai RM10,000, RM50,000 umpamanya kan, jadi tidak menganiaya kepada pembayar cukai dalam keadaan tertentu supaya *fair*-lah kepada pembayar cukai dan kepada pemungut cukai.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Sebagai contohnya Tuan Pengerusi, Akta Kebankrapan. Had untuk seorang bankrap itu pun dinaikkan dulu RM10,000, kini naik RM30,000, RM50,000. Macam mana yang ini RM2,000 itu kekal lagi itu?

**Dato' Khodijah binti Abdullah [Setiausaha Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan]:** Tuan Pengerusi, kami mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih atas saranan untuk menaikkan jumlah tersebut. Sebenarnya, memang *compliance* adalah merupakan satu aspek yang sangat utama dalam undang-undang percukaian dan amaun yang besar yang selaras dengan *deterrents* mengikut kedudukan ekonomi pada masa ini adalah sesuatu yang amat sesuai.

Walau bagaimanapun, amaun yang kecil itu adalah merupakan mengambil kira kepada individu ya. Bagi individu, amaun RM2,000 itu adalah amaun yang berdasarkan kedudukan ekonomi, mungkin industri-industri kecil ya, maka amaun yang kecil itu masih lagi mungkin relevan. Kita juga melihat kepada respons yang diberikan oleh pembayar cukai itu sendiri dan tempoh lamanya telah tertanggung ya. Kita mengambil tindakan sekatan itu selepas banyak ulangan diberi, dan selalunya tidak ada mendapat maklum balas daripada pembayar cukai, yang itulah akhirnya menyebabkan berlakunya suatu tindakan yang amat memberi kesan kepada pembayar cukai iaitu dia tidak dapat keluar negara umpamanya kalau tadi dikatakan kalau untuk maksud *official*, kita lazimnya memberi pendekatan supaya *facilitative*.

Kalau misalnya hendak pergi mesyuarat, untuk menguruskan pemiagaannya, kita kata kita bagilah dia untuk pergi dua minggu misalnya, itu sebagai *compliance* pun perlu tetapi *facilitative* untuk *tax payer* pun kita timbangkan juga. *We have to be firm at the same time* dan juga *facilitative*. Umpamanya

ada pekerja, dia dapat bekerja di Singapura umpamanya tetapi ada sekatan kerana tidak bayar cukai di Malaysia ya, ataupun dia tidak bayar PTPTN, maka kita buat sekatan perjalananlah.

So kita imbangkan dari segi *facilitative*, dan juga dari segi menggalakkan *compliance*-lah. *Thank you*.

**Tuan Pengerusi:** Maksud Yang Berhormat tadi bukan itu. Maksudnya amaun itu *you* kena kaji. Amaun bukan maksud itu, amaun itu *you* kena kaji.

**Dato' Khodijah binti Abdullah:** Ya, memang kalau hendak tinggi itu memang satu perkara yang sangat baik supaya lebih *deterrent* lah.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang ini berapa agensi yang memberi kuasa untuk sekatan. Kastam ada kuasa, PTPTN ada kuasa kan, PTPN ya?

**Beberapa Ahli:** PTPTN.

**Dato' Khodijah binti Abdullah:** PTPTN pun ada.

**Tuan Pengerusi:** PTPTN ada kuasa sekarang kan, sekat.

**Dato' Khodijah binti Abdullah:** Ada, ada.

**Tuan Pengerusi:** Sekat yang...

**Dato' Khodijah binti Abdullah:** Pinjaman yang tidak berbayar mengikut tempoh.

**Tuan Pengerusi:** Bayar. Okey satu, yang satu lagi Kastam? Lagi mana agensi? LHDN, PTPTN, Kastam lagi apa benda?

**Dato' Khodijah binti Abdullah:** Dari segi percukaian cukai tidak langsung, Kastam dan cukai langsung Lembaga Hasil. Kedua-dua agensi ini mempunyai kuasa untuk menyekat keluar negaralah.

**Tuan Pengerusi:** Ha, okey. PTPTN *under* apa pula itu?

**Dato' Khodijah binti Abdullah:** PTPTN *under* Kementerian Pendidikan Tinggi saya rasa.

**Tuan Pengerusi:** Dia *under* apa, sebab apa dia ditahan itu? Kerana bukan cukailah.

**Dato' Khodijah binti Abdullah:** Kerana tidak menjelaskan bayaran hutang pelajaran dia.

**Tuan Pengerusi:** Oh ini lagi teruk ini, beribu budak-budak yang tidak bayar ini. *Under* apa itu? *Under*...

**Dato' Khodijah binti Abdullah:** Memandangkan keterhutangan dalam jumlah yang besar dan hutang nampaknya tidak diambil usaha yang serius untuk membayar balik, terutamanya didapati banyak itu ada juga yang telah mendapat pendapatan yang baik tetapi hanya cuai untuk membayar balik pinjaman yang telah diambil, maka sekatan keluar negara pun ada digunakanlah.

**Tuan Pengerusi:** Digunakan. Maknanya tigalah sekarang ini ya, tiga agensi. Tiga agensi yang mempunyai kuasa untuk menyekat perjalanan keluar negara. Lembaga Hasil Dalam Negeri, PTPTN dan Kastam. Ada lagi tidak?

**Dato' Khodijah binti Abdullah:** Saya kurang pasti bagi akta-akta yang di luar cukai.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi ada lagi tidak agensi lain yang mempunyai...? Tiga ini sahaja saya rasakan?

**Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]:** KDN, KDN.

**Tuan Pengerusi:** Oh, KDN

**Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi:** KDN ini *criminal*.

**Tuan Pengerusi:** Itu *criminal*, itu *criminal* lah.

**Encik Abdul Rashid bin Yaakob:** Mahkamah, sekatan.

**Tuan Pengerusi:** Mahkamah lagi yang- itu tarik pasport terus itu. Itu pasport ditarik terus tidak ada sekatanlah. Tarik terus pasport itu, mahkamah. Saya ingat Bahagian Cukai kena buat kajianlah dari segi keseluruhanlah, macam mana hendak mewujudkan sesuatu yang lebih harmonilah dari segi akta ini. RM2,000 terlalu kecilah. Maknanya RM2,000 ini mungkin ditingkatkan lagi.

Tadi yang diperkukuhkan lagi tadi, LHDN boleh mengarahkan majikan memotong, kalau tidak potong itu naik sikitlah dia punya itu. Denda takkan RM2,000, kena denda.

Makna sampai RM10,000, bergantung pada- dia mesti akta sekarang ini mesti sudah progresif sikitlah akta, jangan tahun 1967. Tahun 1967 lepas berapa tahun, sepuluh tahun merdeka makna industri besar tidak ada *Chief Executive* baru gaji RM5,000 agaknya. Masa tahun 1967 Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berapa gajinya tahun 1967 itu. Ya, *super skill* apa dulu? Tahun 1967, Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri gaji berapa? [Ketawa] Entah gaji dia RM2,500 sahaja itu, tahun 67.

Ya, betul. Tidak dari segi *figures* itu. *What I mean figures* lah. Kalau *graduate* tahun keluar jadi cikgu pun RM700 masa itu ya? Itu tahun 70-an, tahun 60-an / ingat RM500 sahaja itu, *graduate* ya gaji.

■1220

**Dato' Khodijah binti Abdullah:** Mungkin saya hendak memberikan jawapan yang am. Memang dari segi penalti, dan juga perkara-perkara yang boleh membebankan *taxpayer* adalah suatu perkara yang diberi penumpuan sebab kita hendak menggalakkan *compliance*, tetapi juga dalam masa yang sama, kita juga memang orang kata *nobody likes to pay tax* ya. Jadi dari segi mengenakan denda yang tinggi, suatu perkara yang memang lazim dibuat. Kita juga mengkaji dari segi *comparability* dengan *jurisdiction* lain dan juga kita mengambil kira *time value for money* sebenarnya supaya dia melambangkan mengikut nilai wang pada masa ini.

**Datuk Sabin bin Samitah:** Tuan Pengerusi, saya ingin memberikan jawapan pertanyaan daripada Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw tadi berkenaan dengan syor Audit tadi. Lembaga Hasil Dalam Negeri telah pun dan sedang melaksanakan syor-syor yang dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk memperkemas lagi pengurusan tindakan sekatan perjalanan ke luar negara. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *You see*, saya ada terima aduan sedikit mengenai hasil ini. Saya berpendapat ada pembayar yang tertunggak itu kadangkala berkelakuan itu tidak baik juga. Cuma saya minta pihak LHDN memastikan pegawai-pegawai itu janganlah kasar sangat terhadap orang yang tertunggak itu. Daripada itu lebih 100,000 Sijil Sekatan yang dikeluarkan itu yang melibatkan lebih RM3 bilion itu. Apakah tindakan sekarang itu, adakah kutipan itu sudah diambil?



**Datuk Sabin bin Samitah:** Terima kasih Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw. Kita akan pastikan tidak ada pegawai-pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri yang bertindak di luar batasan ataupun kasar kepada pembayar-pembayar cukai biarpun mereka mempunyai tunggakan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Untuk memberikan jawapan yang kedua Dr. Tan, saya meminta Pengarah Jabatan Integriti Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk memberikan jawapan.

**Puan Siti Rosnah binti Md Hashim:** Okey. Terima kasih Yang Berbahagia Datuk. Untuk ini adalah isu yang dibawa oleh Jabatan Audit Negara iaitu tunggakan berkaitan dengan seksyen 104. So, bagi masa ini Lembaga Hasil Dalam Negeri telah dan sedang mengambil tindakan-tindakan yang sesuai Yang Berbahagia Datuk tentang *especially* isu tunggakan. Akan tetapi *in terms of* isu yang berkaitan dengan- yang dibawa oleh Audit Negara telah selesai. Kita sudah ambil tindakan sepenuhnya. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itu agensi yang berkesan dalam negara ini salah satunya adalah LHDN, salah satunya LHDN. Cuma itulah semua itu saya berharap berjalan mengikut peraturan.

**Datuk Sabin bin Samitah:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Cuma, ya lah bila *you* diperbadanan ini, maknanya yang orang banyak *complaint* ini, LHDN ini sedikit-sedikit denda, sedikit-sedikit naikkan cukai 10 percent, 20 percent, itu satu yang- oleh kerana *you* dapat bonus, jadi satu pihak orang kata *because you* nak kutip sebanyak mungkin walaupun kadang-kadang menyalahi dari segi peraturan-peraturan. Buat sahaja, kadang-kadang orang malas nak berurusan dengan LHDN ini, dia bayar sahaja. Malas lah dia kata. Itu kena *fact* lah Bahagian Integriti nanti kena tengok lah pegawai. *At what level-* pegawai mana yang berkuasa untuk memberikan sekatan perjalanan ini, apa *level* dia?

**Datuk Sabin bin Samitah:** Pegawai yang diberikan kuasa ini Yang Berhormat adalah *division one and above* lah.

**Tuan Pengerusi:** *Division?*

**Datuk Sabin bin Samitah:** Pegawai...

**Tuan Pengerusi:** JUSA kah, JUSA....

**Datuk Sabin bin Samitah:** Tidak, tidak. Bukan JUSA. Oleh sebab kita mempunyai SOP yang jelas dari segi *threshold* dan juga dari segi ketidakpatuhan. Jadi pegawai akan sediakan pengemukaan kepada Ketua Unit ataupun kepada pengurus-pengurus di cawangan dan mereka akan meneliti pengemukaan tersebut dan Sijil Sekatan akan dikeluarkan.

**Tuan Pengerusi:** Siapa yang boleh membatalkan sijil itu?

**Datuk Sabin bin Samitah:** Dari segi pembatalan dan juga kuasa ini saya minta...

**Tuan Pengerusi:** Pegawai yang sama ataupun macam mana dari segi prosedurnya?

**Datuk Sabin bin Samitah:** Dia akan kembali kepada cawangan yang sama Yang Berhormat. Akan tetapi kita mempunyai kuasa-kuasa yang telah ditetapkan di cawangan- berdasarkan saiz cawangan. Saya minta yang ini Encik Idris untuk terangkan kepada Yang Berhormat.

**Encik Mohd Idris bin Mamat:** Untuk tujuan pembatalan sementara, kita bagi kuasa kepada Pengarah Negeri yang mempunyai bayaran pendahuluan di bawah 20 peratus. Sekiranya bayaran itu dalam 50 peratus daripada tunggakan, kita bagi kepada pegawai-pegawai- Pengarah Bahagian di cawangan-cawangan. Manakala dalam kes-kes tertentu, Pengarah Jabatan di ibu pejabat boleh memberi pelepasan sementara. Pelepasan itu akan dimasukkan ke dalam sistem Imigresen untuk membuat pelepasan sementara sebagaimana tempoh yang dikehendaki oleh pembayar cukai yang disekat itu.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Datuk, fasal pelepasan sementara ini, ada tiga soalan. Selalunya pelepasan sementara ini berapa panjang kita bagi dia punya pelepasan, secara *average* mungkin mengikut kes lah, berapa lama?

Keduanya sekarang ini, saat ini berapa orang kah rakyat Malaysia yang disekat daripada berjalan pada masa ini?

**Datuk Sabin bin Samitah:** Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi tempoh ini, berdasarkan kepada tujuan mereka ke luar negara sama ada mereka hendak berubat, sebagai contoh berubat di Singapura- katakan dalam tempoh satu minggu. Jadi kita akan beri tempoh dalam satu minggu ataupun mereka menghadiri mesyuarat di Brunei, katakan dalam tempoh dua hari. So kita akan bagi dua hari. Dia mengikut tempoh permohonan dan tujuan, Yang Berhormat.

Dari segi statistik tersebut, saya tidak ada pada masa sekarang. Walau bagaimanapun, kita boleh memberikan secara bertulis, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Nama- maksimum lah, maksimum sementara ini, *for any- at any one time* lah selalunya sudah mungkin ada yang pernah dibuat di negara kita. Pelepasan sementara yang paling panjang berapa hari, ada sebulan kah? *Any record of that?* Ataupun tak ada sekarang boleh bagi kemudian lah, ya.

**Datuk Sabin bin Samitah:** Boleh saya berikan kemudian, Yang Berhormat?

**Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]:** Saya tambah sedikit lah. Saya *realized* lah dalam dua, tiga tahun ini, kutipan pun cepatlah tetapi untuk bayar balik, *tax* yang lebih pun cepat juga lah. Berbeza. *Very efficient.*

**Datuk Sabin bin Samitah:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Encik Abdul Rashid bin Yaakub:** *Just* nak jawab kepada apa yang Yang Berhormat Limbang tanya tadi. So sebagaimana yang saya nyatakan pada awal tadi iaitu kedudukan sekarang lah. Sekarang itu semasa kita mula menjalankan pengauditan sebanyak 128,165 Sijil Sekatan yang masih aktif dengan nilai RM3.4 bilion pada masa kita mula menjalankan Audit. Mungkin pihak LHDN boleh *update* keadaan *figure* semasa. Terima kasih.

■1230

**Datuk Sabin bin Samitah:** Terima kasih. Puan Rosnah, *do we have the figure* atau pun kita hendak bagi jawapan secara bertulis?

**Puan Siti Rosnah binti Md Hashim:** Kita bagi jawapan secara bertulis.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi:** Okeylah. Tidak ada apa-apa lagi? Ini rekod. Tadi tidak direkod *[Ketawa]*

**Dato' Siti Zauyah binti Md Desa:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Dato' Zauyah sendirilah yang hadir dan Ketua Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Kita mungkin akan menyarankanlah kepada Kementerian Kewangan untuk melihat semula. Dari segi keseluruhan akta inilah, tahun 1967. Walaupun dipinda sedikit-sedikit tetapi kita harus melihat akta itu secara keseluruhannya. Supaya ia lebih bersesuaian dengan keadaan amaan dan *punishment*. Apatah lagi bila *you* sudah *corporatize*-kan sedikit sebanyak *tendency* untuk kutip duit- memanglah. *You* berniaga. LHDN dikorporatkan untuk dapat banyak duit. Bila banyak duit, *you* dapat bonus bagus. Sekarang berapa? RM30, RM100- berapa bilion sekarang?

**Datuk Sabin bin Samitah:** Untuk tahun ini Yang Berhormat Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** *Target. You target.*

**Datuk Sabin bin Samitah:** *Target* adalah RM127.7 bilion.

**Tuan Pengerusi:** Bila tidak cukup *target* itulah *charge* orang, naikkan 10 *percent*. Naikkan lima *percent*. Bila tengok dekat akhir tahun, 20 *percent* lagi tidak tercapai. Itu mulalah *you under* 1913 nanti, 103, 104 *you charge* kepada pembayar cukai. Pembayar cukai kadang-kadang, orang malas hendak pergi ke- bayar itulah. So, kalau dah sampai setengah tahun, tidak sampai 50 *percent* dari segi pencapaian. Macam mana hendak capai? Itulah pembayar cukai kadang-kadang jadi mangsa. Betul tidak? *[Ketawa]* Ada tidak kecenderungan itu? Kecenderungan untuk *to meet the target*. *You* ada sedikit elemen untuk gunakan kuasa *you* untuk naikkan cukai, terlambat bayarlah, apa itu bayarannya.

Akan tetapi, tidak apalah itu sebagai satu keadaanlah. Bila *you corporatize* mestilah ada *efficiency*, mesti ada. Macam TNB, macam Telekom dia *more efficient*. Oleh sebab *the carrot is there, rewards*. *It is* biasalah kita sebagai manusia ini. Bila *carrot* ada kita kerja kuatlah. Okey, apa ini Dato'?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi:** Ini sama orang Sabah. Ini sama. Dato' *you want to says something?*

**Dato' Siti Zauyah binti Md Desa:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Pengerusi, Ahli-ahli PAC dan hadirin yang dihormati. Saya mewakili Kementerian Kewangan berterima kasih dengan maklum balas yang disampaikan. Pihak kami akan mengkaji dengan lebih teliti semua cadangan penambahbaikan yang telah diberikan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kami ada taklimat... *[Disampuk]* Ahli-ahli Yang Berhormat ada taklimat. Jadi, kita tidak dapat sama *join*. Semua sekali dipersilakanlah. Makan tengah hari.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.38 tengah hari]***



**DOKUMEN  
PEMBENTANGAN**



## JABATAN AUDIT NEGARA



**MESYUARAT  
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
TAHUN 2015 SIRI 2**

**TAJUK:  
PENGURUSAN SEKATAN PERJALANAN KE LUAR NEGARA  
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**27 MAC 2017  
BILIK JAWATANKUASA 1, PARLIMEN**

1

### KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia  
Pengurusan Sekatan Perjalanan Ke Luar Negara

2

#### Latar Belakang

Di bawah Seksyen 104, Akta Cukai Pendapatan (CP) 1967 dan Seksyen 22, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) 1976, sekatan perjalanan ke luar negara boleh dikenakan ke atas individu atau pengarah syarikat yang gagal menjelaskan tunggakan CP atau CKHT.

Had sekatan yang ditetapkan sebelum tindakan dilaksanakan ialah tidak kurang daripada RM10,000 bagi kes syarikat dan tidak kurang daripada RM2,000 bagi kes individu.

Setakat bulan Jun 2016, sebanyak 128,165 sijil sekatan perjalanan ke luar negara yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri masih berkuat kuasa. Manakala tunggakan cukai terlibat adalah berjumlah RM3.4 bilion.

**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**  
**Pengurusan Sekatan Perjalanan Ke Luar Negara**

3

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati pengurusan sekatan perjalanan ke luar negara di bawah Seksyen 104, Akta CP 1967 dan Seksyen 22, Akta CKHT 1976 daripada aspek tindakan penguatkuasaan sekatan perjalanan oleh LHDNM adalah **memuaskan**. Bilangan kes yang didaftarkan dan amaun cukai yang terlibat bagi Cukai Pendapatan (CP) dan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) menunjukkan peningkatan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015.

**STATISTIK SEKATAN PERJALANAN KE LUAR NEGARA MENGIKUT BILANGAN KES DAN AMAUN SETAKAT BULAN JUN 2016**

JENIS CUKAI	KATEGORI PEMBAYAR CUKAI	BIL. KES	AMAUN (RM Juta)
CP	Individu	117,154	2,560.32
	Pengarah Syarikat	1,279	684.14
CKHT	Individu	9,732	151.46
<b>JUMLAH</b>		<b>128,165</b>	<b>3,395.92</b>

**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**  
**Pengurusan Sekatan Perjalanan Ke Luar Negara**

4

**Ringkasan Penemuan**

- i. **Tindakan guaman sivil masih belum diambil** terhadap pembayar cukai **melibatkan 1,600 kes** walaupun penguatkuasaan sekatan perjalanan telah dikeluarkan;
- ii. **Pelepasan sementara diluluskan** kepada 11 pembayar cukai individu **sebelum bayaran permulaan yang dipersetujui diterima** melibatkan amaun sekatan berjumlah RM1.42 juta;

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia  
Pengurusan Sekatan Perjalanan Ke Luar Negara

5

Ringkasan Penemuan (sambungan)

- iii. Sebanyak 32 kes pembayar cukai individu, satu kes pengarah syarikat dan satu kes warga asing yang **telah diluluskan pelepasan sementara tetapi kemudiannya tidak membuat bayaran ansuran/membuat bayaran ansuran yang kurang** dari yang ditetapkan melibatkan amaun bayaran ansuran berjumlah RM1.22 juta; dan
- iv. **tiada sebarang tindakan** seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 120(1), Akta CP 1967 **pernah diambil terhadap majikan** atas kegagalan majikan memberi notis bertulis kepada Ketua Pengarah LHDNM sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh pemberhentian pekerja atau pekerja dijangka meninggalkan Malaysia; atau atas kegagalan majikan membayar semua atau sebahagian amaun yang ditahan kepada LHDNM dalam tempoh 90 hari selepas notis dikeluarkan.

Pengurusan Sekatan Perjalanan Ke Luar Negara

Tindakan Guaman Sivil Ke Atas Pembayar Cukai

6

Kriteria

- Seksyen 106, ACP 1967 menyatakan bahawa apa-apa amaun cukai yang perlu dibayar adalah merupakan hutang kepada kerajaan dan boleh dikutip oleh kerajaan melalui kaedah tindakan guaman sivil.
- Arahan Operasi Bil. 6 Tahun 2007 menetapkan pembayar cukai individu dan pengarah syarikat yang mempunyai tunggakan masing-masing berjumlah RM2,000 dan RM10,000 ke atas perlu diambil tindakan permulaan guaman sivil.
- Tindakan sekatan perjalanan hendaklah dikuatkuasakan serentak dengan tindakan guaman sivil (penyediaan borang x/c18).

Penemuan

Sebanyak 1,600 kes masih belum diambil tindakan guaman sivil walaupun penguatkuasaan sekatan perjalanan telah dikeluarkan. Jumlah tersebut merangkumi kes individu, pengarah syarikat dan warga asing yang melibatkan amaun sekatan perjalanan berjumlah RM95.25 juta.



## Pengurusan Sekatan Perjalanan Ke Luar Negara

### Kelulusan Pelepasan Sementara Sekatan Perjalanan

7

#### Kriteria

- LHDNM boleh meluluskan permohonan pelepasan sementara bagi sesuatu tempoh yang dibenarkan jika pembayar cukai menjelaskan amaun tuntutan pada Sijil Seksyen 104 Akta CP/Seksyen 22 Akta CKHT.
- Surat pelepasan sementara akan dikeluarkan kepada pembayar cukai dengan menyatakan tempoh pelepasan yang dibenarkan.
- Baki tunggakan cukai akan dibayar oleh pembayar cukai secara ansuran mengikut jadual yang ditetapkan oleh LHDNM dengan persetujuan pembayar cukai.

#### Penemuan

Semakan Audit mendapati sebanyak 11 kes bagi individu telah diluluskan pelepasan sementara sebelum bayaran permulaan yang dipersetujui diterima daripada pembayar cukai dengan nilai sekatan berjumlah RM1.42 juta.

## Pengurusan Sekatan Perjalanan Ke Luar Negara

### Pematuhan Syarat Bagi Pelepasan Sementara Sekatan Perjalanan

8

#### Kriteria

- Berdasarkan Pekeliling Operasi Bil. 18 Tahun 2014, dinyatakan bahawa sekatan perjalanan yang dikuatkuasakan oleh LHDNM akan dibatalkan jika cukai dijelaskan sepenuhnya.
- Jika tidak, pembayar cukai masih boleh memohon pelepasan sementara perjalanan ke luar negara bagi sesuatu tempoh yang dibenarkan dengan memenuhi syarat-syarat ditetapkan.
- Amaun bayaran perlu dijelaskan secara tunai atau draf bank bagi membolehkan surat pelepasan sementara dikeluarkan serta merta. Bayaran secara ansuran perlu diatur bagi menyelesaikan baki yang terutang.



### Penemuan

Semakan Audit mendapati:

- i. sebanyak 32 kes individu yang telah dikenakan sekatan perjalanan berjumlah RM1.58 juta yang tidak membuat bayaran ansuran berjumlah RM1.06 juta dan membayar kurang daripada ansuran yang ditetapkan berjumlah RM29,801; dan
- ii. sebanyak 1 kes pengarah syarikat dan 1 kes warga asing yang masing-masing telah dikenakan sekatan perjalanan berjumlah RM2.46 juta dan RM9,656 tidak membuat bayaran ansuran dan membayar kurang daripada bayaran ansuran yang ditetapkan.



### Kriteria

- Akta CP 1967 ada menggariskan beberapa tanggungjawab di pihak majikan untuk membolehkan tindakan pemungutan cukai yang lebih berkesan di kalangan pekerja sekaligus meminimumkan kebarangkalian wujudnya tunggakan cukai yang tidak dapat dikutip.
- Berdasarkan subseksyen 83(3) dan 83(4) Akta CP 1967, majikan hendaklah memberi notis bertulis kepada Ketua Pengarah LHDNM sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh pemberhentian pekerja atau pekerja dijangka meninggalkan Malaysia. Majikan boleh disabitkan kesalahan di bawah perenggan 120(1)(c) Akta CP 1967 jika gagal mematuhi subseksyen tersebut.
- Subseksyen 83(5) Akta CP 1967 pula menyatakan, majikan bertanggungjawab menahan gaji terakhir pekerja yang berhenti kerja/akan berhenti kerja atau bercadang meninggalkan Malaysia untuk tempoh melebihi 3 bulan.

**Kriteria (samb..)**

- Selepas notis dikeluarkan, majikan dikehendaki membayar semua atau sebahagian amaun yang ditahan kepada LHDNM dalam tempoh 90 hari. Majikan boleh disabitkan kesalahan di bawah perenggan 120(1)(e) Akta CP 1967 jika gagal mematuhi subseksyen tersebut.
- Sebelum 14 Januari 2010, ketidakpatuhan majikan merupakan satu kesalahan di bawah perenggan 120(1)(e) Akta CP 1967 di mana denda boleh dikenakan tidak kurang daripada RM200 dan tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya.
- Bagaimanapun, mulai tahun 2015 jumlah denda telah dipinda kepada tidak kurang dari RM200 dan tidak melebihi RM20,000 atau 6 bulan penjara atau kedua-duanya sekali.
- Mulai 14 Januari 2010, subseksyen 107(4) Akta CP 1967 dipinda untuk memperjelaskan bahawa tanggungan cukai pekerja merupakan hutang majikan kepada kerajaan (debt due and payable).
- Tindakan guaman sivil boleh diambil untuk memungut amaun cukai yang gagal dipotong oleh majikan.

**Penemuan**

- a. Semakan Audit terhadap kes yang telah dikeluarkan perintah sekatan perjalanan tetapi tunggakan telah dihapus kira mendapati kebanyakan kes yang dihapus kira bagi warga tempatan adalah disebabkan oleh pembayar cukai tidak dapat dikesan, manakala bagi warga asing disebabkan oleh **pembayar cukai meninggalkan Malaysia**.
- b. Semakan lanjut terhadap sampel yang dipilih bagi kes sekatan perjalanan ke luar negara yang dihapus kira mendapati bilangan kes yang dihapus kira mengikut cawangan LHDNM yang diaudit bagi pembayar cukai CP adalah sebanyak 217 kes merangkumi individu dan warga asing melibatkan amaun sekatan perjalanan berjumlah RM11.17 juta dengan amaun yang dihapus kira berjumlah RM11.06 juta. Manakala bagi pembayar cukai CKHT pula, melibatkan 22 kes sekatan perjalanan berjumlah RM346,736 dan amaun yang dihapus kira berjumlah RM346,036.

**Penemuan (samb..)**


- c. Statistik menunjukkan tindakan hapus kira telah diambil terhadap tunggakan CP melibatkan 108 warga asing dengan tunggakan berjumlah RM7.22 juta. Semakan Audit mendapati tindakan hapus kira ini diambil disebabkan sebahagian besar pekerja warga asing berkenaan telah meninggalkan Malaysia.

Berdasarkan maklumat yang diterima daripada pihak LHDNM, tiada sebarang tindakan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 120(1), Akta CP 1967 pernah diambil terhadap majikan tersebut setakat 14 Julai 2016. Selain itu, LHDNM tidak mempunyai rekod mengenai jumlah majikan yang gagal melaporkan pemberhentian pekerja di bawah Seksyen 83, Akta CP 1967.

**Syor Audit**

Bagi mempertingkatkan lagi kecekapan pengurusan tindakan sekatan perjalanan ke luar negara, adalah disyorkan supaya LHDNM mempertimbangkan perkara berikut:

- i. Memastikan tindakan penguatkuasaan pelepasan sementara dan tindakan guaman sivil dilaksanakan secara konsisten mengikut peraturan yang ditetapkan; dan
- ii. Memastikan tindakan yang lebih tegas perlu diambil ke atas majikan yang gagal menyelesaikan tunggakan pekerja yang meninggalkan Malaysia.



**Sekian  
Terima Kasih**

[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)

**TAKLIMAT KEPADA  
MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
BIL. 6 TAHUN 2017**

**PENEMUAN AUDIT & MAKLUM BALAS  
PENGURUSAN SEKATAN  
PERJALANAN KE LUAR NEGARA  
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

27 MAC 2017



## LATAR BELAKANG

Seksyen 104 ACP 1967  
dan  
Seksyen 22 ACKHT 1976



Penguatkuasaan sekatan perjalanan ke luar negara terhadap pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan tunggakan cukai.

## PENGENALAN

- ✓ KPHDN boleh mengeluarkan sijil sekatan.
- ✓ Sijil sekatan perjalanan dihantar ke alamat terakhir.
- ✓ Individu atau pengarah syarikat jelas cukai sepenuhnya berdasarkan sijil sekatan.
- ✓ Pembayar cukai boleh mohon pembatalan sekatan perjalanan apabila bayaran penuh dijelaskan.
- ✓ Pembayar cukai (tidak jelas tanggungan cukai sepenuhnya) boleh memohon pelepasan sementara mengikut syarat yang ditetapkan.
- ✓ Surat pelepasan sementara dikeluarkan dengan menyatakan tempoh pelepasan yang dibenarkan.

3

BIL	ISU	PENEMUAN AUDIT & MAKLUM BALAS
1.	<b>Per. 4.5.2.1.a</b> <b>Proses Pelaksanaan Tindakan Sekatan Perjalanan Ke Luar Negara - Pengeluaran Pemberitahuan Tindakan Mahkamah (CP91 Dan CKHT16)</b>	<p><b>Penemuan:</b> Surat Pemberitahuan Tindakan Mahkamah / CP91 dan CKHT 16 tidak dikeluarkan kepada pembayar cukai yang telah dikenakan sekatan perjalanan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 704 kes bagi individu - nilai sekatan RM24.96 juta</li> <li>• 49 kes pengarah syarikat - nilai sekatan RM17.30 juta</li> <li>• 194 kes warga asing - nilai sekatan berjumlah RM12.97 juta.</li> </ul>
		<b>Status - Selesai</b>

4

BIL	ISU	PENEMUAN AUDIT & MAKLUM BALAS
1.	<b>Per. 4.5.2.1.b</b> <b>Proses Pelaksanaan Tindakan Sekatan Perjalanan Ke Luar Negara - Pengeluaran Pemberitahuan Tindakan Mahkamah (CP91 Dan CKHT16)</b>	<p><b>Penemuan:</b> Surat Pemberitahuan Tindakan Mahkamah/CP91 dan CKHT 16 juga lewat dikeluarkan kepada pembayar cukai yang telah dikenakan sekatan perjalanan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 288 kes bagi individu - nilai sekatan berjumlah RM11.38 juta</li> <li>• 3 kes bagi pengarah syarikat dengan nilai sekatan berjumlah RM62,805</li> <li>• 75 kes bagi warga asing dengan nilai sekatan berjumlah RM6.76 juta</li> </ul> <p style="text-align: center;"><b>Status – Selesai</b></p>

5

BIL	ISU	PENEMUAN AUDIT & MAKLUM BALAS
2.	<b>Per. 4.5.2.2.</b> <b>Kelulusan Penguatkuasaan Tindakan Sekatan Perjalanan</b>	<p><b>Penemuan:</b> Semakan Audit mendapati status penguatkuasaan sekatan perjalanan masih belum diluluskan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 180 kes pembayar cukai iaitu 137 kes individu</li> <li>• 10 kes pengarah syarikat</li> <li>• 33 kes warga asing dengan</li> </ul> <p>amaun sekatan perjalanan berjumlah RM11.02 juta.</p> <p style="text-align: center;"><b>Status – Selesai</b></p>
BIL	ISU	PENEMUAN AUDIT & MAKLUM BALAS
3.	<b>Per. 4.5.2.3.</b> <b>Maklumat Sekatan Perjalanan Di Sistem Semakan Status Kawalan Perjalanan Imigresen (SPPI)</b>	<p><b>Penemuan:</b> Semakan Audit mendapati maklumat sekatan perjalanan tidak dikemas kini dalam sistem SSPI terhadap pembayar cukai yang telah dikuatkuasakan sekatan perjalanan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 147 kes bagi individu - nilai sekatan RM6.82 juta</li> <li>• 19 kes bagi pengarah syarikat - nilai sekatan berjumlah RM13.69 juta.</li> </ul> <p style="text-align: center;"><b>Status – Selesai</b></p>

6

BIL	ISU	PENEMUAN AUDIT & MAKLUM BALAS
4.	<b>Per. 4.5.2.4.</b> <b>Tindakan Guaman Sivil Ke Atas Pembayar Cukai</b>	<p><b>Penemuan:</b> Semakan Audit mendapati tindakan guaman sivil tidak diambil ke atas pembayar cukai yang gagal menjelaskan tunggakan cukai walaupun tindakan penguatkuasaan sekatan perjalanan telah dikeluarkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 1,600 kes.</li> <li>• Kes individu, pengarah syarikat dan warga asing - RM95.25 juta.</li> </ul> <p style="text-align: center;"><b>Status – Selesai</b></p>
BIL	ISU	PENEMUAN AUDIT & MAKLUM BALAS
5.	<b>Per. 4.5.3.1.</b> <b>Pematuhan Terhadap Syarat Kelulusan Pelepasan Sementara - Pelepasan Sementara Diluluskan Sebelum Bayaran Permulaan Yang Dipersetujui Diterima Daripada Pembayar Cukai</b>	<p><b>Penemuan:</b> Semakan Audit mendapati sebanyak 11 kes bagi individu telah diluluskan pelepasan sementara sebelum bayaran permulaan yang dipersetujui diterima - nilai sekatan berjumlah RM1.42 juta.</p> <p style="text-align: center;"><b>Status – Selesai</b></p>

7

BIL	ISU	PENEMUAN AUDIT & MAKLUM BALAS
6.	<b>Per. 4.5.3.2.a dan b</b> <b>Kegagalan Bayaran Ansuran Bagi Pembayar Cukai Yang Diluluskan Pelepasan Sementara</b>	<p><b>Penemuan:</b> Sebanyak 32 kes individu yang telah dikenakan sekatan perjalanan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• tidak membuat bayaran ansuran berjumlah RM1.06 juta</li> <li>• kurang daripada ansuran yang ditetapkan berjumlah RM29,801.</li> </ul> <p>Sebanyak 1 kes pengarah syarikat dan 1 kes warga asing yang masing-masing telah dikenakan sekatan perjalanan berjumlah RM2.46 juta dan RM9,656 tidak membuat bayaran ansuran dan membayar kurang daripada bayaran ansuran yang ditetapkan.</p> <p style="text-align: center;"><b>Status – Selesai</b></p>

8



BIL	ISU	PENEMUAN AUDIT & MAKLUM BALAS
7.	<u>Per. 4.5.3.3.</u> Pematuhan Syarat Terhadap Pembayar Cukai Yang Memohon Pelepasan Sementara Kali Kedua dan Seterusnya	<p><b>Penemuan:</b> Semakan Audit mendapati permohonan pelepasan sementara bagi kali kedua dan seterusnya telah diluluskan walaupun pembayar cukai gagal mematuhi syarat yang ditetapkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 14 kes individu</li> <li>• 1 kes warga asing</li> </ul> <p>Sekatan perjalanan berjumlah RM990,804. Tiada jadual peraturan bayaran yang menyokong pelepasan sementara kali kedua dan berikutnya.</p> <p style="text-align: center;"><b>Status – Selesai</b></p>

9


BIL	ISU	PENEMUAN AUDIT & MAKLUM BALAS
8.	<u>Per. 4.5.4.b, c dan d</u> Tanggungjawab Majikan Terhadap Pemberhentian Pekerja	<p><b>Penemuan:</b> Semakan Audit terhadap kes yang telah dikeluarkan perintah sekatan perjalanan tetapi tunggakan telah dihapus kira.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Melibatkan warga tempatan - disebabkan oleh pembayar cukai tidak dapat dikesan</li> <li>• Warga asing - disebabkan oleh pembayar cukai meninggalkan Malaysia.</li> </ul> <p>Semakan lanjut terhadap sampel yang dipilih bagi kes sekatan perjalanan ke luar negara yang dihapus kira mendapati bilangan kes yang dihapus kira mengikut cawangan LHDNM yang diaudit bagi pembayar cukai CP adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 217 kes merangkumi individu dan warga asing melibatkan amaun sekatan perjalanan berjumlah RM11.17 juta dengan amaun yang dihapus kira berjumlah RM11.06 juta.</li> <li>• Pembayar cukai CKHT - melibatkan 22 kes sekatan perjalanan berjumlah RM346,736 dan amaun yang dihapus kira berjumlah RM346,036.</li> </ul>

10

BIL	ISU	PENEMUAN AUDIT & MAKLUM BALAS
	Samb.	<p><b>Penemuan:</b> Tindakan hapus kira telah diambil terhadap tunggakan CP melibatkan:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• 108 warga asing dengan tunggakan berjumlah RM7.22 juta.</li><li>• Semakan Audit mendapati tindakan hapus kira ini diambil disebabkan sebahagian besar pekerja warga asing berkenaan telah meninggalkan Malaysia.</li><li>• Tiada sebarang tindakan seperti yang diperuntukkan di bawah Subseksyen 120(1), Akta CP 1967 pernah diambil terhadap majikan tersebut sehingga 14 Julai 2016.</li><li>• Tiada rekod jumlah majikan yang gagal melaporkan pemberhentian pekerja di bawah Seksyen 83, Akta CP 1967.</li></ul>
		<b>Status – Selesai</b>

# TERIMA KASIH

[www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

 /LHDNM

 /LHDNM

1-800-88-5436 (LHDN)

**HASiL** Teman Keceriaan Anda

